



LAPORAN TAHUNAN
IDFR 2009
ANNUAL REPORT

LAPORAN TAHUNAN

IDFR 2009

ANNUAL REPORT

©IDFR 2010

Diterbitkan oleh
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)
Kementerian Luar Negeri
Kuala Lumpur, Malaysia
www.idfr.gov.my

Hakcipta terpelihara. Tiada kandungan dalam penerbitan ini boleh disalin, disimpan dalam sistem penyimpanan, atau diedarkan dalam apa-apa bentuk atau cara, elektronik, mekanikal, termasuk salinan fotokopi, rakaman, imbasan dan sebagainya, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

ISSN 1985-1030

KANDUNGAN

Perutusan daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri, Malaysia	5
Kata Pengantar oleh Pengerusi Eksekutif IDFR	9
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)	13
Pegawai dan Kakitangan IDFR	17
Bahagian Latihan	27
Bahagian Bahasa	35
Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan	43
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat	47
Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD	53
Sarjana Sains Sosial dalam Strategi dan Diplomasi	55
Pelancaran Rasmi Kampus IDFR	57





PERUTUSAN DARIPADA KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada IDFR kerana telah berjaya melaksanakan kesemua kursus yang telah dirancang untuk tahun 2009. Saya amat gembira kerana IDFR telah berjaya mengekalkan kualiti kursus latihannya dan juga memastikan Institut ini kekal relevan. Dunia yang dinamik dan sentiasa berubah menuntut prestasi yang terbaik daripada kor diplomat profesional dan pegawai perkhidmatan awam Malaysia yang berkhidmat di dalam dan luar negara. Latihan dan perkembangan kemahiran yang diberi oleh IDFR kekal memberi nilai yang tinggi kepada mereka.

Kursus-kursus latihan anjuran IDFR sememangnya telah memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Kursus-kursus tersebut bukan sahaja ditawarkan kepada para diplomat dan pegawai Kerajaan Malaysia tetapi juga kepada mereka dari negara-negara membangun di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM). IDFR telah dapat melengkapkan para diplomat dan pegawai tersebut dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa di samping membantu mengasah kemahiran profesional mereka dalam bidang-bidang tertentu seperti komunikasi silang budaya, diplomasi awam dan bidang lain yang berkaitan. Saya juga gembira IDFR turut memberi penekanan yang sama kepada

latihan untuk pegawai dan kakitangannya bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatannya.

Saya berasa suacita mengetahui IDFR telah meluaskan skop aktivitinya dan menambah jumlah kursus yang ditawarkan. Program Pengajian Serantau yang mula diperkenalkan pada tahun 2008 dan memfokus kepada rantau Afrika, telah diikuti dengan satu seminar mengenai negara China pada bulan Ogos 2009. Ianya telah dianjurkan sempena ulangtahun ke-35 hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan China. Seminar tersebut telah mendapat sambutan baik daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing di Kuala Lumpur, bekas Duta-duta Besar Malaysia ke China, ahli-ahli akademik, pegawai-pegawai kerajaan dan eksekutif-eksekutif dari syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Saya amat suacita mengetahui IDFR telah menawarkan modul bahasa Mandarin buat pertama kalinya bagi Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD pada tahun 2009. Ini merupakan satu langkah yang baik. Sebelum ini, IDFR hanya menawarkan bahasa Arab, Perancis dan Sepanyol kepada peserta kursus. Saya ingin menggalakkan semua pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri dan kementerian serta agensi kerajaan yang

lain untuk mengambil peluang mengikuti kelas bahasa asing yang dianjurkan oleh IDFR pada sebelah petang.

Saya juga berasa gembira dengan inisiatif yang telah diambil oleh IDFR untuk menaikkan taraf Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD kepada sebuah program Diploma. Mulai tahun 2010, peserta kursus ini akan dianugerahkan Diploma dalam Diplomasi. Ini merupakan satu perkembangan yang dialu-alukan dan akan meningkatkan lagi reputasi Institut ini.

Ceramah umum dan perbincangan mejabulat tentang hubungan antarabangsa juga merupakan sebahagian dari aktiviti latihan IDFR. Melalui acara-acara sebegini, IDFR terus memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesedaran dan pemahaman tentang hubungan antarabangsa. Jumlah peserta yang menyertai ceramah umum dan perbincangan mejabulat yang dianjurkan oleh IDFR, yang mencapai lebih 1000 orang, menzahirkan prestij IDFR sebagai sebuah institut latihan diplomatik yang mampu menganjurkan program-program yang menarik minat para pengamal bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

IDFR juga telah meneruskan usahanya dalam menjalankan hubungan dengan institut-institut diplomatik dan organisasi-organisasi serta agensi-agensi lain yang relevan. Penglibatannya dalam mesyuarat tahunan 'Deans and Directors of Diplomatic Academies and Institutes of

International Relations', dan 'Deans and Directors of Diplomatic Training Institutes of ASEAN Plus 3' akan menyumbang kepada mempertingkatkan reputasinya sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang latihan diplomatik di rantau Asia. Kerjasama IDFR dengan International Peace Foundation (IPF) – sebuah yayasan bukan politik dan bukan keagamaan yang berpusat di Vienna, Austria, di bawah naungan bersama 21 Nobel Peace Prize Laureates – di mana IDFR dan IPF telah menganjurkan satu sesi dialog yang bertajuk 'Building a Culture of Peace and Development in a Globalised World' pada bulan April 2009 dengan Reverend Jesse Jackson, Sr. sebagai penyampai ucaptama, merupakan satu usaha yang patut dipuji. Sesi dialog tersebut telah mendapat sambutan yang baik. Saya percaya ini akan membuka jalan untuk lebih banyak kerjasama dengan organisasi serta agensi antarabangsa lain yang relevan dalam usaha untuk mempromosikan imej dan prestij IDFR.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada IDFR atas penerbitan buku yang bertajuk *Malaysia's Territorial Disputes: Two Cases at the ICJ* dan Siri Profil Diplomatik dua bekas Menteri Luar Negeri, iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. Saya berharap lebih banyak penerbitan seperti ini akan diusahakan bagi merekodkan sumbangan personaliti-personaliti unggul masa lampau dalam sejarah negara kita.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Eksekutif

IDFR, serta pegawai dan kakitangan IDFR atas komitmen, dedikasi dan profesionalisme mereka, dan mengucapkan tahniah kepada IDFR di atas semua kejayaan yang dicapai.

Terima kasih.

*"1 Malaysia: Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan"*

TAN SRI RASTAM MOHD. ISA





KATA PENGANTAR OLEH PENGERUSI EKSEKUTIF IDFR

Pada 10 April 2009, IDFR amat berbesar hati menyambut kehadiran Menteri Luar Negeri yang baru, Dato' Sri Anifah Aman. Lawatan ini turut disertai oleh dua orang Timbalan beliau yang juga baru dilantik, bagi mendengar taklimat tentang program-program dan aktiviti-aktiviti di IDFR.

IDFR telah berjaya menganjur kesemua program dan aktiviti latihan yang telah dirancang pada tahun 2009. Ini adalah hasil daripada komitmen dan usaha gigih warga IDFR termasuklah sokongan berterusan pihak Kementerian Luar Negeri, agensi-agensi dan institusi-institusi lain serta para pensyarah undangan.

Sejumlah 48 kursus telah dianjurkan sepanjang tahun 2009. Sebagai cabang latihan di bawah Kementerian Luar Negeri, peranan utama IDFR adalah untuk melatih para diplomat dan pegawai Kerajaan dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa. Selaras dengan itu, IDFR telah menganjurkan kursus-kursus bagi memenuhi kehendak Kementerian. Atas permintaan Menteri Luar Negeri, satu kursus khas telah diadakan bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran profesional para peserta terutamanya dalam bidang diplomasi awam dan kemahiran media, diplomasi persidangan, etiket makan beradab dan

sebagainya. Dua puluh lima peserta daripada Kementerian menghadiri kursus yang berlangsung selama satu hari itu. Menteri Luar Negeri bukan sahaja merasmikan kursus tersebut malah turut serta dalam beberapa sesi kursus bersama dua orang Timbalan Menterinya. Kami sangat berterima kasih di atas sokongan padu yang diberikan oleh Menteri Luar Negeri kepada IDFR di mana ianya jelas memperlihatkan pengiktirafannya terhadap kepentingan mempunyai ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran dalam kerjaya yang memerlukan pengetahuan untuk mengikuti perkembangan persekitaran antarabangsa yang dinamik lagi pesat berubah pada masa kini.

IDFR turut menganjurkan pelbagai kursus latihan untuk kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Malaysia yang lain serta kursus untuk para pegawai daripada negara-negara membangun di bawah tajaan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), dan berterusan menerima permintaan daripada kerajaan-kerajaan lain. IDFR berusaha memenuhi dengan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada.

Selain daripada menganjurkan kursus-kursus latihan, IDFR turut menganjurkan ceramah-ceramah umum, seminar-seminar dan perbincangan-

perbincangan mejabulat yang memfokuskan kepada isu-isu dasar luar negeri dan hubungan antarabangsa. Dalam bulan April, IDFR dengan kerjasama International Peace Foundation (IPF) yang berpusat di Vienna, telah menganjurkan ceramah umum oleh Reverend Jesse Louis Jackson, Sr., salah seorang pejuang hak asasi dan ketua politik terkenal di Amerika Syarikat. Beliau telah menyampaikan ceramah yang bertajuk ‘Building a Culture of Peace and Development in a Globalised World’. Pada bulan Ogos, Tun Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi Bersama Majlis Perniagaan Malaysia-China, telah menyampaikan ucaptama yang bertempat di Auditorium IDFR, sewaktu penganjuran bengkel bagi memperingati 35 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Dalam bulan yang sama juga, dengan kerjasama Tan Sri Dr. Munir Majid, *Visiting Senior Fellow*, Program Asia Tenggara LSE IDEAS, IDFR telah menganjurkan satu ceramah umum oleh Pengarah Bersama LSE IDEAS, Dr. Arne Westad bertajuk ‘China and Southeast Asia’. Antara tetamu yang hadir adalah bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Pada bulan September pula, Menteri Luar Negeri telah berucap dalam satu majlis pelancaran buku oleh Martin Jacques yang berjudul *When China Rules the World* anjuran IDFR dan LSE IDEAS. Acara tersebut telah dipengerusikan oleh Tan Sri Dr. Munir Majid yang juga merupakan Felo Kehormat IDFR.

Dalam usaha untuk mewujudkan jaringan-jaringan strategik, mengukuhkan hubungan serta belajar dan mencontohi amalan terbaik daripada akademik akademi diplomatik yang lain, IDFR telah menyertai mesyuarat ke-37 ‘Deans and Directors of Diplomatic Academies and Institutes of International Relations’ di Vienna, Austria. IDFR juga turut menghadiri mesyuarat tahunan ke-6

‘Deans and Directors of Diplomatic Training Institutes of ASEAN Plus 3’ di Seoul, Korea.

Dalam program penyelidikan dan penerbitan pula, tiga bahan bacaan baru telah diterbitkan dan telah menambahkan lagi senarai bahan bacaan terbitan IDFR dalam tahun 2009. Bahan terbitan pertama adalah buku dwibahasa berkenaan dua kes yang dibawa oleh Malaysia untuk dikemukakan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang berjudul *Malaysia’s Territorial Disputes-Two Cases at the ICJ*. Dua lagi terbitan adalah lanjutan kepada siri Profil Diplomatik yang memfokuskan kepada bekas Menteri-menteri Luar Negeri sebagai penghargaan atas pencapaian dan perkhidmatan mereka kepada negara. Profil-profil tersebut adalah tentang Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, yang kedua-duanya pernah menyandang jawatan tersebut.

IDFR telah melaksanakan satu projek perintis terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi memantau kualiti kursus-kursus yang dianjurkan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Ianya telah diperingkat dan diperkemaskin supaya selaras dengan KPI Kementerian, berikutan inisiatif Perdana Menteri mewujudkan KPI dan KRA untuk perkhidmatan awam.

Program Sarjana dalam bidang Strategi dan Diplomasi anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjangkau tahun ke-11 pelaksanaannya dan telah menghasilkan seramai 160 alumni. IDFR juga bekerjasama dalam program Mejabulat bersama Institut Kajian Oksidental (IKON), UKM dan akan berterusan meneroka kerjasama-kerjasama lain dengan universiti-universiti serta institusi-institusi latihan dan penyelidikan di dalam maupun di luar negara.

IDFR meneruskan pertaliannya bersama Fulbright dan telah menerima seorang lagi sarjana Fulbright iaitu Encik Brian Neall Hoffman dari Universiti Louisville, Kentucky, Amerika Syarikat. Beliau akan menjalankan penyelidikannya di IDFR sehingga bulan Jun 2010 berkaitan langkah-langkah membina keyakinan di Kepulauan Spratly.

Dalam tahun 2009 juga, IDFR telah meneruskan program latihan amalinya dengan menerima sembilan orang pelajar daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dan empat orang pelajar daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Mereka ditempatkan di pelbagai bahagian di IDFR sebagai memenuhi keperluan akademik mereka.

Saya amat gembira IDFR telah berjaya melaksanakan misinya dalam tahun 2009 hasil daripada dedikasi dan komitmen yang tinggi para pegawai dan kakitangannya. Saya yakin dengan sokongan dan dedikasi daripada semua pihak yang terlibat, Institut ini akan mencapai kemajuan dan dapat melaksanakan kesemua matlamat serta objektifnya.

Pada awal bulan November 2009, kami telah dikejutkan dengan berita sedih tentang pemergian rakan sekerja, Dr. Chandran Jeshurun, Pengarah Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan terhadap mendiang Dr. Chandran Jeshurun, yang telah memberi sumbangan besar dalam memperkuuhkan program penyelidikan dan penerbitan, serta mengatur beberapa perbincangan mejablat yang menarik minat ramai, termasuklah dua program dengan kerjasama LSE yang telah dinyatakan sebelum ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada Tan Sri Rastam Mohd. Isa, Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri di atas minat dan sokongan berterusan beliau kepada IDFR serta semua program dan aktiviti yang dijalankan.

TAN SRI HASMY AGAM

An aerial photograph of the Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHR) campus. The campus is a large, modern complex situated in a lush, green, hilly area. It features several buildings with different architectural styles and colors, including a prominent building with a red-tiled roof and a large, light-colored building with a grey roof. There are also several sports fields, including a soccer field and tennis courts, surrounded by trees and greenery. The overall impression is one of a well-maintained and modern educational institution.

INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)

INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1991 di bawah Jabatan Perdana Menteri berikutan keputusan Kabinet pada 6 Mac, tahun yg sama. IDFR telah dengan rasminya menjadi sebahagian daripada Kementerian Luar Negeri, Malaysia pada 27 Mac 2004. Pada 8 Januari 2009, kampus IDFR di Jalan Wisma Putra telah dilancarkan secara rasminya oleh bekas Perdana Menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi.

IDFR menawarkan pelbagai kursus untuk para diplomat muda bagi melatih mereka supaya sentiasa bersedia untuk berdepan dengan cabaran dalam mempromosi dan mempertahankan dasar luar Malaysia. IDFR turut menganjurkan kursus latihan untuk para diplomat pertengahan kerjaya dan juga para diplomat kanan, termasuklah Duta Besar dan pasangan mereka. IDFR bukan sahaja melatih pegawai dari Wisma Putra, malah turut menawarkan latihan kepada pegawai dari kementerian dan agensi kerajaan yang lain. IDFR juga menyediakan kursus bahasa, yang merangkumi bahasa Arab, Inggeris, Malaysia, Mandarin, Perancis, dan Sepanyol. Kursus yang pelbagai ini dikendalikan oleh para profesor dari universiti tempatan dan luar negara, wakil-wakil daripada Badan-badan Bukan Kerajaan, Duta-duta Besar yang telah bersara dan yang masih lagi berkhidmat, tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang masing-masing, serta para pegawai IDFR.

Program latihan IDFR turut ditawarkan kepada peserta dari negara membangun di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), di samping dari ASEAN, negara anggota di dalam Rancangan Colombo dan juga negara Komanwel.

Peserta kursus dan pelatih IDFR mempunyai banyak peluang untuk mengambil bahagian di dalam bengkel, seminar, perbincangan mejabulat

dan ceramah umum yang dianjurkan di IDFR dan di beberapa lokasi di luar IDFR. Tun Musa Hitam dan Reverend Jesse Louis Jackson, Sr. adalah antara penceramah jemputan terkemuka yang telah menyampaikan ceramah dan ucaptama dalam tahun 2009.

Program Ijazah Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi IDFR merupakan program anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tahun 2009 merupakan tahun ke-11 pelaksanaannya dan merupakan program intensif selama 13 bulan. Para pelajar untuk sesi semasa adalah dari Afghanistan, Amerika Syarikat, Fiji, Guinea, Kanada, Malaysia, Maldives, Myanmar, Papua New Guinea dan Thailand.

IDFR juga menerima pelajar-pelajar tempatan dan luar negara di bawah program latihan amali. Sehingga kini, IDFR telah menerima pelatih dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Visi

- Untuk menjadi tempat tumpuan serantau dan pusat kecemerlangan bagi latihan dan penyelidikan dalam bidang diplomasi dan pengajian antarabangsa

Misi

- Untuk membangunkan sebuah kumpulan pegawai diplomatik yang dapat mempromosi dan mempertahankan kepentingan negara bersesuaian dengan perkembangan diplomasi pada masa kini akibat perubahan global
- Untuk melengkapkan pegawai-pegawai dengan pengetahuan mendalam, kemahiran profesional dan sikap yang sesuai dalam mengendalikan hubungan luar negeri
- Untuk menyediakan para diplomat dan pegawai dari agensi dan kementerian lain (termasuk pasangan) tentang realiti bekerja di luar negara, dengan mengendalikan kursus-kursus yang bersesuaian

Bahagian di IDFR

- Bahagian Latihan
- Bahagian Bahasa
- Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan
- Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat

Kursus/Program di IDFR

IDFR menawarkan kursus/program latihan di bawah bidang kepakaran yang berikut:

- *Kursus Latihan Diplomatik*
untuk meningkatkan tahap profesionalisme pegawai perkhidmatan diplomatik
- *Program Orientasi*
untuk menyediakan pegawai perkhidmatan diplomatik untuk berkhidmat di luar negara

- *Program Pengajian Serantau*
untuk memberi pemahaman yang menyeluruh dan menyebarkan pengetahuan dan penghargaan yang lebih mengenai rantau berkaitan
- *Program Latihan Bahasa*
untuk menganjurkan kursus-kursus bahasa Arab, Inggeris, Malaysia, Mandarin, Perancis dan Sepanyol secara intensif dan tetap, serta latihan dalam penulisan ucapan dan bahasa Inggeris untuk diplomasi
- *Program Sarjana Sains Sosial (Strategi dan Diplomasi)*
untuk memberi satu pemahaman yang luas tentang hubungan antarabangsa dan dasar luar

Kemudahan di IDFR

Di antara kemudahan yang terdapat di IDFR ialah:

- Perpustakaan yang lengkap dan mempunyai sumber pembelajaran kendiri. Perpustakaan ini pernah memenangi anugerah 'Perpustakaan Cemerlang Perkhidmatan Awam' pada tahun 2006
- Auditorium yang boleh memuatkan seramai 250 orang dan dilengkapi dengan sistem PA dan lampu teater
- Dewan serbaguna yang boleh memuatkan sehingga 500 orang
- 60 buah bilik asrama bertaraf antarabangsa termasuk sepuluh bilik mewah
- Bilik latihan dan persidangan serta makmal bahasa yang lengkap
- Liputan rangkaian tanpa wayar di bilik mesyuarat, auditorium dan juga kafeteria
- Gimnasium, kolam renang, gelanggang tenis dan gelanggang skuasy untuk aktiviti rekreasi

Pembentangan

Semua program di IDFR dibiayai oleh kerajaan Malaysia.



PEGAWAI DAN KAKITANGAN IDFR

PEGAWAI DAN KAKITANGAN IDFR




Tan Sri Hasmy Agam
Pengerusi Eksekutif



**Ambasador
Abdullah Faiz Zain**
Pengarah Kanan
(mulai 10 November 2009)



Dato' Rohana Ramli
Pengarah Kanan
(seingga 9 November 2009)



Dr. Chandran Jeshurun
Pengarah Bahagian Pengajian
Akademik, Penyelidikan dan
Penerbitan
(meninggal dunia pada
3 November 2009)



Vasudian a/l Narayanan
Pengarah Bahagian Latihan
(Memangku)



Rozanah Ibrahim
Pengarah Bahagian Bahasa



Gurdev Singh a/l Bhag Singh
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Latihan
(seingga 30 April 2009)



Mohd. Haniff Abd. Rahman
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Latihan
(seingga 10 November 2009)



Gloria Corina Anak Peter Tiwet
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Latihan
(mulai 12 November 2009)



Satish Ranggayah
Timbalan Pengarah
Bahagian Latihan
(seingga 26 April 2009)



Noraini Awang Nong
Timbalan Pengarah
Bahagian Pengajian
Akademik, Penyelidikan dan
Penerbitan



Abdul Rahimi Ahmad Shamsuill
Timbalan Pengarah
Seksyen Pentadbiran, Kewangan
dan Sumber Manusia
(seingga 31 Disember 2009)



Nor Obaidah Abidin
Timbalan Pengarah
Seksyen Perpustakaan
(seingga 18 Januari 2009)



Kamariah Jaafar
Timbalan Pengarah
Seksyen Perpustakaan
(mulai 19 Januari 2009)



Zaiza Haji Ali
Timbalan Pengarah
Seksyen ICT



M. Georgina Ann Zachariah
Pegawai Khas kepada
Pengerusi Eksekutif



Alex Chee Wern Wye
Penolong Pengarah
Bahagian Latihan



Zarina Md. Yusuf
Penolong Pengarah
Bahagian Latihan



Edriely Ibrahim
Penolong Pengarah
Bahagian Latihan
(seingga 3 Mei 2009)



**Jaganathan a/l
Krishnasamy**
Penolong Pengarah
Bahagian Latihan
(mulai 29 Jun 2009)



Mohd. Shahafeez Shaharis

Penolong Pengarah
Bahagian Latihan



Azmah Mahmud

Penolong Pengarah
Bahagian Latihan



Wan Faizah Wan Yusoff

Pegawai Bahasa Inggeris



Joyce Abraham

Pegawai Bahasa Inggeris



Hassan Mohd. Ali@Mat Ali

Pegawai Bahasa Arab



**Agustin Gutierrez C.
Abdullah**

Pegawai Bahasa Sepanyol



Jeanette Daina

Pegawai Bahasa Perancis



Dzuita Mohamed

Penolong Pengarah
Bahagian Pengajian
Akademik, Penyelidikan
dan Penerbitan



Ghazali Shafie

Akauntan



Farashima Aini Mohd. Ali

Penolong Pengarah
Seksyen Perhubungan Awam
Seksyen Perpustakaan



Zaidi Abdul Rahman

Penolong Pengarah
Seksyen Perpustakaan



Roziyana Che Othman

Pegawai Teknologi Maklumat



Badriyah Johari
Pegawai Teknologi Maklumat



Shasriman Aziz
Penolong Pegawai Teknologi
Maklumat



Izura Ismail
Penolong Pegawai Teknologi
Maklumat



Siti Najmah Zakaria
Penolong Pegawai Tadbir



Teoh Soo Kiang
Pengurus Asrama
(seingga 1 Jun 2009)



Mohd. Alif Noor Ismail
Penolong Pengurus Asrama
(seingga 6 November 2009)



Nor Akma Musa
Penolong Akauntan
(seingga 31 Mei 2009)



Suriya Zanariya Zakaria
Penolong Akauntan
(mulai 1 Jun 2009)



Sarinah Bonot
Penolong Pegawai
Perpustakaan



Mohd. Noor Ahmad Jusoh
Pembantu Akaun Kanan



Mat Basir Jaafar
Pembantu Akaun Kanan



Siti Noor'aini Hassan
Pembantu Khas kepada
Pengerusi Eksekutif
(seingga 12 Julai 2009)



Hetty Dzurin Mohamed On
Pembantu Khas kepada
Pengerusi Eksekutif
(mulai 13 Julai 2009)



Rohani Salim
Pembantu Khas kepada
Pengarah Kanan
(sebingga 17 Mei 2009)



Nik Latifah Mohd. Zaki
Pembantu Khas kepada
Pengarah Kanan
(mulai 18 Mei 2009)



Nazirah Nazaruddin
Pembantu Khas kepada
Pengarah Bahagian Latihan
(mulai 18 Mei 2009)



Mardianah Ahmad
Pembantu Khas kepada
Pengarah Bahagian Bahasa



Hartini Abdul Hamid
Pembantu Khas kepada
Pengarah Bahagian Pengajian
Akademik, Penyelidikan dan
Penerbitan



Habesah Hashim
Pembantu Khas kepada
Pengarah Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Korporat
(sebingga 2 Ogos 2009)



Laily Abu Bakar
Pembantu Khas kepada
Pengarah Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Korporat
(mulai 26 Oktober 2009)



Mohd. Masri Awang
Kerani Kursus



Romanchita Natalie Dusipil
Kerani Kursus



Ahmad Firdaus Jahya'Azim
Kerani Kursus



Gunaselvam a/l Vail
Kerani Kursus



Ricky Wong
Kerani Kursus



Jennifer Abin Lianjun
Kerani Kursus



Kamaruddin A. Hussin
Kerani Kursus



Mohd. Zaki Hamid
Pembantu Tadbir



Siti Hajar Osman
Pembantu Tadbir



Rozila Mat Zin
Penyelia Asrama



Thilaga a/p Mayvan
Pembantu Tadbir
(sehingga 2 November 2009)



Ahmad Khidir Lemin
Pembantu Tadbir
(mulai 3 November 2009)



Siti Nurfartini Mahazan
Pembantu Tadbir



Ligong Anak Baja
Pembantu Tadbir



Hafisah Dahmit
Pembantu Tadbir



Sebastian Anak Dio
Pembantu Tadbir





Rusli Haron
Ketua Pengawal Keselamatan
(sehingga 4 Oktober 2009)



Abdul Rashid Bidin
Ketua Pengawal Keselamatan
(mulai 5 Oktober 2009)



Rabeha Mohamed
Jurutaip



Norazlia Jamhari
Jurutaip



Siti Khatijah Ismail
Jurutaip



Tuan Rosazian Tuan Manan
Pengawal Keselamatan



Wan Mohd. Hafiz Wan Muda
Pengawal Keselamatan




**Muhammad Jaafar
Abdul Karim**
Pengawal Keselamatan



Mohd. Aliff Fizre Ahmad
Pengawal Keselamatan



Mohd. Saiful Anuar Yusof
Pengawal Keselamatan



Mohd. Rizaudin Mohd. Diah
Pengawal Keselamatan



Aziz Ismail
Pengawal Keselamatan



**Khairul Nizam Mohd.
Hussain**
Pengawal Keselamatan
(sehingga 12 November 2009)



Yusri Salleh
Pemandu



Ibrahim Nor
Pemandu



Shukor Md. Yusof
Pemandu



Mohd. Fazlee Abdul Aziz
Pemandu



Mohd. Zani Tukiman
Pemandu



Zaimi Ahmad
Pembantu Am Pejabat



Isaac Peter
Pembantu Am Pejabat



Fadilah Shahri
Pembantu Am Pejabat



**Wan Mohd. Azrul Wan
Mohamad**
Pembantu Am Pejabat



Ahmad Yani Kamarudin
Pembantu Am Pejabat



Azrul Nizam Abdul Rahim
Pembantu Am Pejabat

A photograph showing a man in a dark suit and glasses signing a white document with a black pen. He is wearing a gold ring on his left hand. Behind him, a woman in a traditional green dress with gold embroidery and a matching headscarf stands, holding a small object. To the left, a Malaysian flag is partially visible. The background is a red wall with a yellow mural.

BAHAGIAN LATIHAN

BAHAGIAN LATIHAN

Bahagian Latihan IDFR terdiri daripada seorang Pengarah (Memangku), dua orang Timbalan Pengarah Kanan, seorang Timbalan Pengarah, lima orang Penolong Pengarah, seorang Pembantu Khas dan lima orang kakitangan sokongan. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk menganjurkan program latihan untuk para diplomat dan bakal diplomat dari dalam dan luar negara, serta pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia dan negara-negara lain yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang diplomasi dan hubungan luar negeri.

Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media 1/2009

Bengkel yang telah diadakan dari 17 hingga 20 Februari 2009 ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran para peserta mengenai peranan diplomasi awam dalam mempromosikan kepentingan negara di peringkat antarabangsa, serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk berurusan dengan pihak media dalam konteks diplomasi awam. Di antara topik-topik yang telah disentuh termasuk Pengenalan Diplomasi Awam; Peranan Media dalam Diplomasi Awam; Pemahaman Silang Budaya dan Kesannya dalam Diplomasi Awam; Peranan Badan-badan Bukan Kerajaan dalam Diplomasi Awam; Mempromosikan Malaysia melalui Budaya; Perhubungan Media yang Berkesan; Menangani Situasi Krisis dan Soalan yang Sukar daripada Media; Temuduga TV dan Radio; Sidang Akhbar; dan Simulasi Sidang Akhbar.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 13 orang peserta dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelancongan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Program Serantau Komanwel dalam Latihan Diplomatik

Kursus ini, yang diadakan dari 2 hingga 13 Mac 2009, bertujuan untuk mendedahkan peserta kursus kepada perkembangan-perkembangan terkini dalam bidang diplomasi dan hubungan luar negeri selain meningkatkan persahabatan dan jaringan di kalangan para diplomat negara-negara Komanwel. Ia telah dikendalikan di bawah tajaan Sekretariat Komanwel di London. Seramai 13 orang peserta dari negara-negara Komanwel iaitu Bangladesh, Brunei, India, Malaysia, Maldives, dan juga Singapura telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini memfokus kepada kemahiran diplomasi, isu-isu serantau dan global serta kepimpinan. Antara topik-topik yang dibincangkan ialah Perundingan Perdagangan; Krisis Sumber Tenaga dan Makanan Global; Keganasan Antarabangsa; ASEAN dan SAARC; Forum Serantau ASEAN; Komanwel – Prospek dan Cabaran; Komunikasi Silang Budaya yang Berkesan; Diplomasi Pelbagai Hala; Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi; Pengurusan Krisis; dan Etiket Makan Beradab dan Resepsi.

Selain dari menghadiri ceramah, beberapa lawatan sambil belajar turut diadakan iaitu lawatan selama tiga hari ke Langkawi dan juga lawatan ke Wisma Putra, Putrajaya dan Menara Berkembar Petronas.

Kursus Pertengahan Kerjaya untuk Diplomat

Kursus ini telah dijalankan sebanyak dua kali dalam tahun 2009; iaitu dari 27 April hingga 11 Mei 2009 dan dari 16 hingga 26 November 2009. Kursus yang pertama telah dihadiri oleh sepuluh orang pegawai dari Kementerian Luar Negeri manakala kursus yang kedua telah dihadiri oleh 21 orang pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan profesional serta tahap kepimpinan dan pengurusan pegawai-pegawai pertengahan kerjaya supaya mereka dapat menjalankan tugas sebagai timbalan ketua perwakilan, penasihat kedutaan besar atau konsul jeneral dengan penuh yakin.

Kursus ini memfokus kepada Komunikasi Silang Budaya; Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa; Kepimpinan Transformasi; Ekonomi Malaysia; Perdagangan dan Pelaburan Antarabangsa serta Pengurusan Krisis Kemanusiaan. Para peserta juga diberi taklimat berkenaan isu-isu pentadbiran seperti Keselamatan Aset Malaysia di Luar Negara; Protokol Istana dan Diraja; dan Pengurusan Kewangan di Perwakilan.

Para peserta juga telah berpeluang untuk menimba pengalaman secara 'role play' iaitu berada dalam satu sidang akhbar sebagai wakil Malaysia di luar negara di bawah Modul Mempertahankan Kepentingan Negara Malaysia.

Kursus Pra-Penempatan bagi Pegawai dan Pasangan

Kursus ini telah diadakan dari 6 hingga 14 Mei 2009. Ia ditawarkan kepada para pegawai dari pelbagai agensi kerajaan yang bakal bertugas di luar negara serta pasangan masing-masing. Tujuan utama kursus ini adalah untuk meningkatkan

pengetahuan para peserta mengenai diplomasi dan hubungan antarabangsa serta memberi pendedahan mengenai kemahiran, pengetahuan dan sahsiah diri yang diperlukan bagi memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan cemerlang di penempatan masing-masing serta di kalangan komuniti antarabangsa. Aspek penyesuaian para peserta dalam persekitaran yang baru serta bekerjasama dalam satu pasukan juga ditekankan.

Antara perkara yang telah dibincangkan adalah dasar-dasar kerajaan serta isu-isu terkini yang berkait dengan pelaksanaan dasar luar negara Malaysia. Antara komponen utama kursus ini adalah pemahaman tentang tugas dan tanggungjawab para peserta semasa berada di Perwakilan termasuklah tugas untuk mempromosi dan mempertahankan kepentingan Malaysia serta meningkatkan imej Malaysia di mata dunia. Kursus ini juga menekankan kepentingan meningkatkan kemahiran interpersonal, etiket sosial dan ketrampilan diri bagi membentuk imej yang baik. Menyedari kepentingan peranan suami/isteri para peserta dalam memberi sokongan terhadap tugas mereka di Perwakilan, kursus ini juga menerapkan pelbagai aspek serta peranan pasangan pegawai terutamanya melalui penglibatan mereka dalam Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri Malaysia atau PERWAKILAN.

Seramai 26 orang pegawai menghadiri kursus ini, iaitu dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pelancongan, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, dan Jabatan Imigresen. Seramai 12 orang pasangan turut menghadiri kursus ini.

Kursus Pengurusan Krisis untuk Peserta Antarabangsa (PKTM)

Kursus yang telah dijalankan dari 9 hingga 26 Jun 2009 ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan para peserta dalam memahami aspek teoretikal dan praktikal dalam pengurusan krisis antarabangsa. Di samping itu, kursus ini juga

bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta terhadap pelbagai langkah dan teknik pengurusan krisis. Topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini ialah Struktur Krisis Antarabangsa; Ramalan Krisis; Perundingan dan Pengantaraan; serta Kajian Terhadap Krisis Antarabangsa yang Besar. Selain dari kuliah, kursus ini juga melibatkan latihan simulasi dan lawatan sambil belajar.

Kursus selama tiga minggu ini, yang dijalankan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), telah dihadiri oleh 13 orang peserta antarabangsa termasuk lima orang peserta yang ditaja separa oleh Sekretariat Rancangan Colombo. Peserta kursus ini adalah dari Afghanistan, Guinea, Indonesia, Iran, Iraq, Laos, Maldives, Mauritius, Peru, Swaziland, Syria dan Vietnam.

Kursus Orientasi untuk Ketua-ketua Perwakilan dan Pasangan

Kursus ini telah dijalankan dari 29 Jun hingga 3 Julai 2009. Ianya ditawarkan kepada pegawai-pegawai kanan di Kementerian Luar Negeri yang telah dipilih untuk bertugas sebagai Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di luar negara. Objektifnya adalah untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai Ketua Perwakilan serta pasangan mereka.

Kursus ini banyak bertumpu kepada diplomasi awam. Topik-topik yang dibincangkan termasuk Menangani Media dan Kemahiran Media; Kepimpinan di Perwakilan; Globalisasi dan Impaknya terhadap Malaysia; Sesi Dialog Bersama Bekas Duta-duta Besar Malaysia; dan Mempertahankan Kepentingan Negara Malaysia. Sesi khas selama satu hari turut diadakan untuk para pasangan. Antara topik-topik yang telah disentuh dalam sesi tersebut ialah Etiket Makan Beradab dan Resepsi; Peranan Pasangan di Perwakilan; dan Penjagaan Penampilan Diri.

Lapan orang pegawai kanan Wisma Putra yang telah menerima watikah pelantikan sebagai Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara serta pasangan mereka telah menghadiri kursus ini.

Kursus Orientasi untuk Diplomasi

Kursus selama satu hari ini telah diadakan pada 10 Julai 2009 atas permintaan Menteri Luar Negeri. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam bidang diplomasi khususnya yang berkaitan dengan diplomasi awam, kemahiran media, persidangan antarabangsa dan etiket makan beradab. Antara topik-topik yang telah dijalankan ialah Pengucapan Awam; Diplomasi Awam; Kemahiran Media; Prosedur Persidangan Antarabangsa – Kemahiran dan Dinamik; Menyediakan Campur Tangan Substantif dan Ucapan; Kenyataan bagi Persidangan/Mesyuarat Antarabangsa; Etiket Makan Beradab; dan Praktikum Makan Beradab.

Seramai 25 orang peserta dari Kementerian Luar Negeri, termasuk Menteri Luar Negeri dan Timbalan-timbalan Menteri Luar Negeri, telah menghadiri kursus ini.

Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media 2/2009

Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media yang kedua telah diadakan dari 14 hingga 17 Julai 2009. Objektif bagi kursus yang dijalankan selama empat hari ini adalah untuk meningkatkan kesedaran para peserta mengenai peranan diplomasi awam dalam mempromosikan kepentingan negara di peringkat antarabangsa, serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk berurusan dengan pihak media dalam konteks diplomasi awam. Di antara topik-topik yang telah dibincangkan termasuk Pengenalan Diplomasi Awam; Peranan Media dalam Diplomasi Awam; Pemahaman Silang Budaya dan Kesannya dalam Diplomasi Awam; Peranan Badan-badan Bukan Kerajaan dalam Diplomasi Awam; Mempromosikan Malaysia melalui Budaya; Perhubungan Media yang Berkesan; Menangani Situasi Krisis dan Soalan yang Sulit daripada Media; dan Simulasi Sidang Akhbar.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 36 orang peserta dari Kementerian Luar Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian

Pelancongan, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Kursus Analisa Strategik Antarabangsa (PKTM)

Kursus yang diadakan dari 28 Julai hingga 14 Ogos 2009 ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman peserta mengenai pemikiran strategik tentang isu-isu keselamatan dan strategik antarabangsa masa kini. Pengetahuan ini dapat digunakan dalam menempuh cabaran dunia globalisasi masa kini. Di antara topik-topik yang dibincangkan termasuklah Keselamatan Tradisional dan Bukan Tradisional; Analisis Risiko Politik; Isu Keselamatan Antarabangsa; dan Keganasan Antarabangsa. Ia merupakan platform terbaik bagi peserta untuk bertukar pandangan dan idea.

Kursus ini, yang dijalankan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), telah dihadiri oleh 24 orang peserta. Sembilan orang daripada peserta tersebut telah ditaja separa oleh Sekretariat Rancangan Colombo. Seramai tujuh orang peserta adalah dari Malaysia manakala yang lain adalah dari Bhutan, Colombia, Fiji, Ghana, Guinea, Indonesia, Iraq, Jordan, Laos, Maldives, Mauritius, Pakistan, Sri Lanka, Syria, Thailand, Uganda dan Vietnam.

Bengkel Mengenai Hubungan Malaysia-China: Perspektif Dua Hala, Rantau dan Global

Bengkel ini telah diadakan pada 19 Ogos 2009 sebagai salah satu acara untuk menyambut Ulangtahun ke-35 Hubungan Diplomatik Malaysia-China. Objektif bengkel ini adalah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan peserta mengenai hubungan dua hala Malaysia-China terutamanya dalam bidang politik, keselamatan, sosio-ekonomi, perdagangan, pelaburan dan hala tuju masa depan.

Bengkel ini telah dimulakan dengan ucaptama oleh Tun Musa Hitam, Pengerusi Bersama Majlis Perniagaan Malaysia-China tentang topik 'The Rise of China as a Global Power: Its Implications for Malaysia, the Region and the World'. Ucaptama

tersebut, yang dibuka kepada orang ramai, telah dihadiri oleh 210 orang tetamu.

Bengkel ini mengandungi dua sesi perbincangan mejabulat dan satu *luncheon talk* yang melibatkan para peserta yang terpilih dari sektor awam dan korporat, ahli-ahli akademik dan badan-badan bukan kerajaan. Sesi perbincangan mejabulat yang pertama yang bertajuk 'China and the Region: Political, Security and Strategic Dimensions' melibatkan tiga ahli panel utama, iaitu T.Y.T. Liu Jian, Duta Besar China ke Malaysia; Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia; dan Encik Bunn Nagara, Penyunting Bersekutu dari The Star Publications Sdn. Bhd. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Eksekutif IDFR.

Bengkel ini diteruskan dengan *luncheon talk* yang bertajuk 'The Do's and Don'ts of Doing Business in China: Malaysia's Experience' yang disampaikan oleh Tan Sri William Cheng dari Majlis Perniagaan Malaysia-China. Bengkel ini diakhiri dengan satu lagi sesi perbincangan mejabulat bertajuk 'Malaysia-China Relations: Enhancing Economic, Trade and Investment Prospects' dengan Dato' Mohd. Amir Jaafar, Felo Kanan Institut Asia-Eropah sebagai pemudahcara, manakala Dr. Wong Lai Sum, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia serta Encik Steven Wong, Penolong Ketua Pengarah ISIS Malaysia sebagai ahli-ahli panel.

Bengkel Pengenalan Undang-undang Awam Antarabangsa

Bengkel yang telah diadakan dari 5 hingga 9 Oktober 2009 ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta tentang undang-undang awam antarabangsa yang relevan dalam bidang diplomasi, perhubungan antarabangsa, serta perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Antara topik-topik yang telah dibincangkan dalam bengkel ini adalah Undang-undang Ekonomi Antarabangsa; Undang-undang Alam Sekitar Antarabangsa; Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa; Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa; Undang-undang Laut Antarabangsa; Undang-

undang Perjanjian dan Undang-undang Tanggungjawab Negeri; Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna 1963); dan Akta Hubungan Diplomatik (Konvensyen Vienna 1961).

Bengkel selama lima hari ini telah dihadiri oleh 17 orang peserta dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Kursus Latihan Diplomatik untuk Peserta Antarabangsa (PKTM)

Kursus yang telah diadakan dari 13 hingga 30 Oktober 2009 ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa serta kebolehan mereka menjalankan tugas sebagai pegawai diplomatik. Para peserta juga telah diberi pendedahan kepada pengalaman Malaysia dalam pembangunan negara dan hubungan luar negeri. Di antara topik-topik yang disentuh ialah Komunikasi Silang Budaya; Kemahiran Pembentangan; Perundingan Dua Hala dan Pelbagai Hala; Diplomasi Awam; dan Kemahiran Media.

Kursus selama tiga minggu ini, yang dijalankan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia, telah hadiri oleh seramai 18 orang peserta termasuk empat orang peserta yang ditaja separa oleh Sekretariat Rancangan Colombo. Peserta kursus ini adalah dari Argentina, Bhutan, Chile, Filipina, Guinea, Jordan, Laos, Malaysia, Mauritius, Myanmar, Swaziland dan Tanzania.

Perbincangan Mejabulat

Sesi perbincangan mejabulat yang pertama untuk tahun 2009 yang bertajuk 'Foreign Policy in an Era of Globalisation' telah diadakan pada 15 Januari 2009 di Bilik Triti. Sir Peter Ricketts, Setiausaha Tetap Pejabat Luar British dan Komanwel adalah penceramah bagi perbincangan tersebut manakala pemudahcaranya ialah Dato' Kamaruddin Abu, bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom. Di dalam ceramahnya, Sir Ricketts memaklumkan bahawa para Pegawai Diplomatik

harus mempunyai pengetahuan yang luas dalam isu-isu semasa untuk mempertahankan dasar luar negara masing-masing. Para Pegawai Diplomatik juga harus memiliki kemahiran untuk memperoleh maklumat terkini tentang isu-isu antarabangsa menerusi jaringan perhubungan yang baik dengan rakan-rakan sejawat mereka dari negara lain. Seramai 56 orang peserta dari sektor kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan sektor korporat telah menyertai sesi perbincangan ini.

Sesi perbincangan mejabulat yang kedua telah dianjurkan pada 25 Februari 2009 di Bilik Triti. Sesi perbincangan mejabulat yang bertajuk 'The Obama Team: The New US President's Line-up and How They Will Relate to Southeast Asia' telah disampaikan oleh Datuk Ernest Bower, bekas Presiden Majlis Perniagaan AS-ASEAN dan kini rakan kongsi di BrooksBower Asia. Beliau telah memberi penerangan mengenai latar belakang dan ciri-ciri perwatakan barisan kabinet di bawah pentadbiran Presiden Obama dan kesan yang dijangka terhadap hubungan dua hala ASEAN-AS. Beliau juga berpendapat bahawa Presiden Obama mempunyai keinginan yang mendalam bagi mengeratkan hubungan dua hala ASEAN-AS terutamanya dalam mengenalpasti bidang-bidang kerjasama baru di rantau ini. Sehubungan itu, Datuk Bower begitu optimistik bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat akan menjadi lebih kukuh di bawah kepimpinan pentadbiran baru di kedua-dua negara. Sesi perbincangan ini telah dihadiri oleh 55 orang peserta dari sektor kerajaan dan korporat, badan-badan bukan kerajaan dan universiti.

Ceramah Umum

Satu ceramah umum yang bertajuk 'Building A Culture of Peace and Development in a Globalised World' oleh Reverend Jesse Louis Jackson, Sr., Presiden dan Pengasas Rainbow/PUSH Coalition telah diadakan di Auditorium IDFR pada 22 April 2009. Ceramah umum ini adalah sebahagian daripada acara ASEAN 'Bridges-Dialogues: Towards a Culture of Peace' dan telah dianjurkan bersama oleh IDFR dan International Peace Foundation (IPF). Ceramah umum ini telah dirasmikan oleh Datuk Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Luar Negeri,

dan Dr. Chandra Muzaffar, Presiden International Movement for a Just World (JUST) telah menjadi pemudahcara bagi sesi tersebut. Antara tetamu kehormat yang turut hadir di ceramah umum ini ialah Dato' Mukhriz Tun Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Tun Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Pengerusi 'Bridges-Dialogues: Towards a Culture of Peace'; dan Prince Alfred dari Liechtenstein, Pengerusi Lembaga Penasihat IPF.

Dalam ceramah beliau, Reverend Jackson telah menyeru agar ketua-ketua negara dan komuniti global bekerjasama di antara satu sama lain dan menyertai misi-misi kemanusiaan untuk mengurangkan kesengsaraan manusia di dunia. Beliau juga berpendapat bahawa satu model ekonomi yang memfokus kepada golongan berpendapatan rendah yang lebih adil dan saksama boleh mengukuhkan kedudukan golongan tersebut di dalam sesuatu masyarakat. Reverend Jackson mengakhiri ceramah beliau dengan menekankan bahawa pendekatan "Berbaiklah terhadap orang lain seperti mana anda mengharapkan kebaikan dari orang lain" yang diambil dari 'Golden Rule of Peace' juga boleh digunakan bagi negara-negara di dunia. Lebih daripada 250 orang peserta telah menghadiri ceramah umum ini.

Satu lagi ceramah umum, yang bertajuk 'Improving the US-Islamic World: Some Practical Suggestions', telah dianjurkan bersama oleh IDFR dan Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) di IAIS pada 7 Disember 2009. Ceramah umum ini telah disampaikan oleh Dr. Omar Hisham Altalib, seorang Muslim dari Amerika yang kini memegang jawatan Penolong Profesor Sosiologi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Eksekutif IDFR dan Profesor Datuk Dr. Osman Bakar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IAIS menjadi pemudahcara di ceramah tersebut.

Dalam ceramahnya, Dr. Omar telah menjelaskan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan konflik di antara Amerika Syarikat dan dunia Islam iaitu keganasan, agama dan kejahilan. Menurut beliau, persepsi yang salah di kalangan masyarakat dunia bahawa keganasan adalah berpuncak dari negara-negara Islam

merupakan salah satu sumber konflik di serata dunia. Selain itu, menurut beliau juga, terdapat salah anggapan di kalangan negara-negara Islam bahawa Amerika Syarikat berupaya berbuat apa sahaja kerana ia merupakan kuasa besar dan oleh itu, boleh dipersalahkan ke atas semua ketidakadilan yang berlaku di dunia. Beliau juga telah menyatakan bahawa komunikasi terbuka merupakan cara yang terbaik untuk membina hubungan yang lebih baik di antara Amerika Syarikat dengan negara-negara Islam. Ceramah umum tersebut telah dihadiri oleh seramai 67 orang peserta.

Siri IDFR-IKON 3D

IDFR bersama-sama dengan Institut Kajian Oksidental (IKON), Universiti Kebangsaan Malaysia telah memperkenalkan Siri IDFR-IKON 3D pada tahun 2008. 3D bermaksud 'Diplomatic Dispatches and Discourses' dan Siri 3D ini bertindak sebagai satu platform perbincangan mejabulat dengan para diplomat daripada negara-negara Barat sebagai penceramah utama.

Sesi mejabulat IDFR-IKON 3D yang pertama yang bertajuk 'The European Union and ASEAN: Current Challenges and Future Prospects' oleh T.Y.T. Vincent Piket, Ketua Delegasi Suruhanjaya Eropah ke Malaysia, telah dianjurkan pada 12 Mac 2009 di Bilik Triti. Penceramah memaklumkan bahawa hubungan di antara Kesatuan Eropah dengan ASEAN telah menjadi semakin erat terutamanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kesatuan Eropah juga telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan sesi perundingan dua hala 'Partnership and Cooperation Agreements' (PCAs) dengan beberapa negara ASEAN. Menyentuh tentang cabaran masa depan untuk ASEAN, beliau telah menyenaraikan tiga perkara utama yang penting untuk kejayaan ASEAN. Perkara yang pertama yang memerlukan pertimbangan ASEAN ialah memperkenalkan sistem membuat keputusan yang baru, iaitu berdasarkan undian majoriti bagi menggantikan sistem konsensus. Kedua, beliau mencadangkan bahawa ASEAN harus diberikan lebih banyak kuasa dalam penguatkuasaan keputusan. Perkara yang ketiga ialah mewujudkan satu dana penstruktur yang boleh digunakan oleh

negara-negara anggota yang lebih kaya untuk membantu negara-negara anggota yang miskin bagi mengurangkan jurang ekonomi yang wujud sekarang. Sesi mejabulat ini telah dihadiri oleh 48 orang peserta.

Sesi mejabulat IDFR-IKON 3D yang kedua yang bertajuk 'Enhancing Latin America's Linkages with Asia/ASEAN: A Brazilian Perspective' telah diadakan pada 16 Julai 2009 bertempat di UKM dengan T.Y.T. Sergio Arruda, Duta Besar Brazil ke Malaysia sebagai penceramah utama. Beliau telah menjelaskan bahawa Mesyuarat Menteri ASEAN-MERCOSUR yang pertama yang diadakan di Brasilia pada bulan November 2008, merupakan permulaan proses yang formal untuk meningkatkan hubungan di antara kedua-dua rantau ini. Menyedari perkembangan perdagangan, pelaburan dan peluang perniagaan yang konkret boleh dicapai melalui ikatan institusi yang kukuh di antara ASEAN dan MERCOSUR, Menteri-menteri Hubungan Luar negara yang terlibat bersetuju dalam mesyuarat bulan November 2008 itu untuk mengikuti kaedah 'building block' untuk meningkatkan dialog ekonomi serantau, menjadikan ianya sebagai medium yang utama ke arah kerjasama ekonomi yang lebih rapat serta sebahagian daripada rancangan tindakan yang akan diambil pada masa hadapan. Sehubungan itu, Brazil bersama anggota MERCOSUR yang lain — Argentina, Paraguay, Uruguay dan Venezuela — akan mengambil langkah yang memfokus kepada pertukaran maklumat dan perkongsian pengalaman dalam promosi perdagangan dan pelaburan serta peningkatan kerjasama di antara komuniti perniagaan dan institusi kajian ekonomi di kedua-dua rantau tersebut. Perbincangan mejabulat ini telah dihadiri oleh seramai 140 orang peserta.

Sesi mejabulat IDFR-IKON 3D yang ketiga yang bertajuk 'The European Union as a Global Actor in the Context of the Lisbon Treaty – a Nordic Perspective' oleh T.Y.T. Helena Sangeland, Duta Besar Sweden ke Malaysia sebagai penceramah utama, telah diadakan di IDFR pada 17 November 2009. Beliau telah menerangkan tentang transformasi institusi Kesatuan Eropah (EU) dan hasratnya untuk menjadi efektif dan relevan dalam bidang hubungan antarabangsa sepertimana yang dilakukan dalam bidang perdagangan dan bantuan pembangunan global. Beliau juga menjelaskan bahawa EU di bawah presidensi Sweden telah memberi fokus kepada konsep 'Eastern Partnerships' yang bertujuan untuk membawa Armenia, Azerbaijan, Belarus, Georgia, Moldova dan Ukraine lebih rapat dengan EU. Skop kerjasama tersebut meliputi bidang ekonomi, hak asasi manusia, pembangunan demokrasi dan sokongan kepada reformasi.

Beliau seterusnya menekankan bahawa bagi menghadapi cabaran dalam hubungan antarabangsa yang semakin kompleks, EU perlu membangunkan keupayaan analisis dan perancangan dasarnya. Pada masa ini, EU mempunyai keupayaan ketenteraan yang tinggi, lebih 40,000 orang diplomat, bilangan 'think tank' yang besar serta institusi akademik dan badan-badan bukan kerajaan yang boleh memberi input kepada penggubalan dasar-dasar berhubung penggunaan kaedah ketenteraan, awam atau ekonomi. Sesi mejabulat ini dihadiri oleh 62 orang peserta.



BAHAGIAN BAHASA

BAHAGIAN BAHASA

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Bahagian Bahasa ialah bahasa Arab, Inggeris, Mandarin, Perancis dan Sepanyol. Ia turut menawarkan kursus perbualan bahasa Malaysia untuk para diplomat yang bertugas di Perwakilan Asing di Kuala Lumpur. Modul latihan bahasa Inggeris juga disediakan untuk peserta-peserta antarabangsa yang mengikuti kursus latihan diplomatik di bawah naungan Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan Sekretariat ASEAN.

Objektif utama kursus-kursus bahasa ini adalah untuk memupuk pengetahuan linguistik para pegawai dalam menjalankan tugas profesional mereka dengan lebih berkesan sama ada di dalam atau di luar negara.

Pada tahun 2009, Bahagian Bahasa telah mengendalikan sebanyak 26 kursus. Peserta yang tamat kursus tersebut telah dianugerahkan Sijil Kehadiran.

PROGRAM BAHASA INGGERIS

Sebanyak empat kursus intensif telah dikendalikan oleh Seksyen Bahasa Inggeris untuk meningkatkan lagi pengetahuan linguistik serta kemahiran para peserta. Di samping itu, satu kursus juga telah dijalankan untuk Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Kursus-kursus yang dijalankan di IDFR ialah:

- *Speaking Skills: Say It Right 1/2009*
- *Speaking Skills: Say It Right 2/2009*
- *Effective Presentation Skills*
- *Effective Writing Skills*

Kursus yang dijalankan untuk MAMPU ialah:

- *Intensive Speaking Skills: Say It Right*

Seksyen Bahasa Inggeris juga mengadakan kursus kemahiran asas secara berterusan untuk kakitangan IDFR, bertujuan untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Inggeris mereka.

Speaking Skills: Say It Right 1/2009

Kursus ini diadakan dari 10 hingga 13 Februari 2009 untuk 26 orang peserta kursus dari pelbagai agensi kerajaan termasuk dari Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Kementerian Penerangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Kementerian Pelancongan. Objektif utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta mengenai ciri-ciri pertuturan bahasa Inggeris serta membantu mereka memperbaiki kemahiran bertutur yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih efektif.

Speaking Skills: Say It Right 2/2009

Kursus ini dijalankan dari 3 hingga 7 Ogos 2009. Seramai 22 orang pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Kementerian Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelancongan, Jabatan Kraftangan Malaysia, Muzium Negara, Jabatan Penerangan Pahang, Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia menghadiri kursus ini. Objektif utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta tentang ciri-ciri pertuturan bahasa Inggeris serta membantu mereka memperbaiki kemahiran bertutur yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih efektif.

Effective Presentation Skills

Kursus selama seminggu yang diadakan dari 12 hingga 16 Oktober 2009 ini bertujuan untuk mendedahkan para peserta kepada penyampaian berkesan dengan memberi penekanan kepada penyediaan dan penyampaian teks. Seramai 15 orang peserta dari Jabatan Kerja Raya, Institut Genome Malaysia, Institut Sukan Negara, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Luar Negeri, dan IDFR menghadiri kursus ini. Di antara kaedah yang digunakan ialah mengkritik penyampaian individu yang telah dirakam.

Effective Writing Skills

Kursus ini telah dijalankan dari 9 hingga 13 November 2009 dan telah disertai oleh seramai 22 orang pegawai dari Kementerian Kerja Raya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Institut Genome Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Luar Negeri, Institut Sukan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Kementerian Pengangkutan. Objektif kursus ini adalah untuk memastikan peserta kursus memperoleh teknik-teknik penulisan khusus untuk mengasah kemahiran menulis mereka. Metodologi pengajaran yang interaktif digunakan seperti mengadakan

perbincangan dan membuat aktiviti serta latihan praktikal.

Intensive Speaking Skills: Say It Right

Kursus ini telah dikendalikan di Awana Genting Highlands and Country Resort dari 29 hingga 30 Oktober 2009 untuk pegawai kanan MAMPU. Objektif utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta kursus mengenai sebutan bahasa Inggeris yang meragukan, serta tekanan dan corak ritma bahasa tersebut. Di samping itu, kursus ini juga bertujuan meningkatkan keyakinan diri peserta untuk berkomunikasi dengan lebih jelas dalam situasi sosial dan profesional. Antara strategi yang telah digunakan ialah sesi interaktif dan simulasi.

English Language Proficiency Course

Kursus kemahiran bahasa Inggeris secara berterusan juga diadakan untuk pegawai dan kakitangan sokongan IDFR. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan yang mengandungi enam orang setiap kumpulan. Sesi tersebut diadakan pada setiap hari Khamis dan Jumaat.

Modul-modul Bahasa Inggeris

Modul-modul bahasa Inggeris juga dikendalikan sebagai sebahagian daripada program yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan. Modul-modul tersebut ditawarkan untuk kursus-kursus berikut:

Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD

Modul Bahasa Inggeris merupakan komponen penting dalam Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD yang diadakan dari 13 April hingga 7 Ogos 2009. Fokus modul ini adalah untuk mempertingkatkan kemahiran linguistik peserta melalui aktiviti-aktiviti meningkatkan kefasihan, ketepatan dan keyakinan. Ini adalah untuk membolehkan mereka menjadi lebih cekap dalam penggunaan bahasa tersebut yang merupakan alat dalam komunikasi diplomatik.

Modul ini merangkumi bidang-bidang seperti:

- *The Floor is Yours* (Pengucapan Awam)

- Penulisan Jurnal
- Kemahiran Penyampaian
- Kemahiran Menulis
- Kemahiran Bertutur
- Penghayatan Karya Kesusasteraan
- Kelas Bimbingan Bahasa
- Penyediaan Draf Ucapan
- Bahasa dan Diplomasi

*Kursus Latihan Diplomatik untuk
Peserta Antarabangsa*

Modul Bahasa Inggeris ini memberi tumpuan kepada meningkatkan kemahiran penyampaian peserta dan kesedaran mereka terhadap fenomena bahasa dan fungsinya dalam bidang diplomasi. Bidang yang disentuh ialah Kemahiran Penyampaian, serta Bahasa dan Diplomasi.

Kursus Pertengahan Kerjaya untuk Diplomat

Modul ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penyampaian peserta serta kesedaran mereka terhadap fenomena bahasa dan fungsinya dalam bidang diplomasi. Bidang yang disentuh ialah Kemahiran Penyampaian, serta Bahasa dan Diplomasi.

**Sesi Perkembangan Profesional
Secara ‘In-House’**

Pada 29 Mei 2009, tiga orang pegawai dari Seksyen Bahasa Inggeris telah menghadiri satu sesi perkembangan profesional bersama Ambasador Kishan Rana dari DiploFoundation. Sesi itu bertujuan untuk mendapat pemahaman yang lebih tentang aspek-aspek penulisan diplomatik seperti *Note Verbale*, *Aide Memoire* dan Penulisan Draf Resolusi. Sesi tersebut amat menarik dan penuh dengan infomasi.

PROGRAM BAHASA ASING

BAHASA ARAB

Sebanyak enam kursus bahasa Arab telah dijalankan pada tahun 2009. Terdapat dua jenis kursus yang dijalankan iaitu kursus separuh masa pada sebelah petang dan kursus sepenuh masa.

Bahasa Arab Tahap 1

Kursus ini merupakan kursus separuh masa yang dijalankan pada sebelah petang bermula dari 16 Februari dan berakhir pada 22 Julai 2009. Kursus ini dijalankan setiap hari Isnin dan Rabu dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam, dan direka untuk peserta yang ingin memperoleh asas kemahiran bahasa Arab.

Seramai 14 orang peserta telah mengikuti kursus ini. Mereka terdiri daripada para pegawai dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan termasuk Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, dan IDFR.

Bahasa Arab Tahap 2

Kursus ini ditawarkan kepada peserta yang telah tamat kursus bahasa Arab Tahap 1 atau mereka yang mempunyai kemahiran yang setara dalam bahasa Arab. Kursus ini bermula dari 3 Ogos hingga 23 Disember 2009, dan diadakan pada hari Isnin dan Rabu dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam.

Seramai 12 orang peserta telah mengikuti kursus ini. Mereka terdiri daripada para pegawai dari Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, dan IDFR.

Bahasa Arab Tahap 4

Kursus ini ditawarkan kepada peserta yang telah tamat kursus bahasa Arab Tahap 3 atau mereka yang mempunyai kemahiran yang setara dalam bahasa Arab. Seramai 12 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Kedutaan Besar Korea Selatan, dan Perkongsian Multilateral Antarabangsa Menentang Keganasan Siber (IMPACT) telah mengikuti kursus ini.

Kursus separuh masa ini dijalankan pada setiap hari Khamis dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam. Kursus ini bermula dari 12 Februari dan berakhir pada 26 November 2009.

Bahasa Arab Tahap 7

Kursus ini dijalankan dari 10 Februari hingga 24 November 2009. Kursus separuh masa sebelah petang ini dijalankan setiap hari Selasa dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam dan dihadiri oleh 11 orang peserta kursus yang terdiri daripada pegawai dari pelbagai agensi kerajaan.

Kursus ini ditawarkan kepada para peserta yang telah tamat kursus bahasa Arab Tahap 6 atau mereka yang mempunyai kemahiran yang setara dalam bahasa Arab.

Bahasa Arab Tahap 10

Kursus ini ditawarkan kepada para pelajar yang telah mengikuti kursus ini dari peringkat permulaan atau mereka yang mempunyai pengetahuan lanjut mengenai bahasa ini dan ingin menyambung pembelajaran mereka.

Kursus ini bermula dari 10 Mac dan berakhir pada 11 Disember 2009. Sepuluh orang para pegawai dari Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan, dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah menghadiri kursus ini, yang dijalankan pada hari Jumaat, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam.

Bahasa Arab Intensif bagi Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD

Kursus Intensif Bahasa Arab selama empat bulan ini bertujuan untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas bahasa Arab. Kemahiran bahasa Arab adalah perlu supaya mereka berupaya menggunakan bahasa tersebut semasa menjalankan tugas di luar negara. Kursus ini juga diadakan sebagai persediaan bagi mereka untuk menyambung pembelajaran bahasa Arab ke tahap yang lebih tinggi.

BAHASA MALAYSIA

Kursus Perbualan Bahasa Malaysia

Kursus ini dijalankan untuk para diplomat daripada

Perwakilan Asing di Kuala Lumpur. Tujuan kursus ini adalah untuk membiasakan diri mereka dengan penggunaan bahasa nasional Malaysia dan dengan itu, dapat membantu mereka dalam interaksi harian mereka di Malaysia. Kursus ini telah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama telah diadakan dari 2 April hingga 11 Jun 2009, dan bahagian kedua yang merupakan sambungan kepada bahagian pertama telah dikendalikan dari 1 Oktober hingga 24 November 2009. Sambutan daripada Perwakilan Asing amat memberangsangkan.

BAHASA MANDARIN

Bahasa Mandarin Intensif bagi Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD

Kursus intensif ini julung kali ditawarkan sebagai salah satu modul bahasa asing di samping bahasa Arab, Perancis dan Sepanyol yang telah sedia ada bagi Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD pada tahun 2009. Objektif utama modul ini adalah untuk membolehkan para pegawai menguasai bahasa Mandarin peringkat asas dan memberi keupayaan kepada mereka untuk menggunakanya semasa menjalankan tugas di negara-negara yang bahasa pengantarnya adalah bahasa Mandarin.

BAHASA PERANCIS

Sepanjang tahun 2009, sebanyak sepuluh kursus bahasa Perancis telah dijalankan. Tiga daripada kursus ini merupakan sambungan kepada kursus yang bermula pada tahun 2008. Kesemua kursus yang dijadualkan telah dilaksanakan dengan dua kursus tambahan dijalankan pada akhir tahun untuk memenuhi beberapa permintaan khas.

Tahap Lanjutan, Tahap III (untuk Pegawai dari Polis Diraja Malaysia) dan Tahap III (Kemasukan Kedua)

Kursus-kursus ini bermula pada tahun 2008 dan berakhir pada bulan Mac 2009, sebelum bermulanya Bahasa Perancis Intensif bagi Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD.

Kursus-kursus ini telah dipanjangkan tempohnya untuk mengurangkan jarak dalam proses

pembelajaran kerana penangguhan kelas semasa kursus intensif sepenuh masa dijalankan. Ia juga bagi memastikan proses peralihan yang lancar untuk penggabungan kedua-dua kelas Tahap III ke Tahap IV.

Kursus Tahap Lanjutan ini tidak dapat disambung semula pada tahun ini disebabkan kekangan dalam penjadualan masa kursus.

Bahasa Perancis Intensif bagi Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD

Kursus ini direka untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas mengenai bahasa dan budaya Perancis yang dirasakan perlu untuk memenuhi keperluan semasa menjalankan tugas dalam persekitaran yang bahasa pengantarnya adalah bahasa Perancis. Ia juga menjadi asas yang bermanfaat buat mereka untuk meningkatkan kemahiran dalam bahasa Perancis.

Dalam tahun 2009, seramai tiga orang pegawai telah berjaya mengikuti kursus empat bulan ini yang merangkumi lebih daripada 150 jam. Objektif utama kursus ini berjaya dicapai dan kesemua peserta kursus menunjukkan minat untuk terus mendalami bahasa Perancis. Mereka juga amat menghargai sekiranya diberi peluang untuk meneruskan pembelajaran dan menjadi pengguna bahasa yang lebih mahir dan seterusnya menduduki peperiksaan Delf yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Bahasa Perancis Tahap IV

Tujuh orang peserta dari Tahap III (pegawai-pegawai dari Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pelajaran dan Bank Negara) meneruskan pembelajaran ke Tahap IV dan berjaya menamatkan kursus ini pada akhir bulan Jun walaupun sibuk dengan komitmen kerja masing-masing.

Bahasa Perancis Tahap I

Pada permulaan kursus, peserta telah dibahagikan kepada dua kumpulan kerana terlalu ramai peserta telah mendaftar untuk kursus ini. Mereka akhirnya telah digabungkan dalam satu kelas. Tujuh belas

orang peserta dari Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Penerangan, Istana Budaya, Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail, Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya, dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara telah mengikuti kursus ini.

Kumpulan ini amat bersemangat dan bermotivasi. Walaupun mempunyai komitmen kerja dan kekerapan bertugas di luar kawasan, tahap mereka meningkat dan secara amnya, mereka berjaya mencapai objektif kursus.

Bahasa Perancis Tahap V

Tujuh orang peserta dari Tahap IV mendaftar untuk Tahap V yang bermula pada bulan Julai dan berakhir pada awal bulan Disember. Kesemua peserta ini telah menduduki peperiksaan luar Delf A1 pada bulan November 2009 dan mereka bercadang untuk mendaftar peperiksaan Delf A2 yang dijadualkan pada bulan Mei 2010.

Bahasa Perancis Tahap II

Seramai 13 orang peserta dari Tahap I telah mendaftar untuk kursus ini. Dua orang daripada peserta kursus ini sekarang berada di Perancis selama dua tahun untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat sarjana. Pengetahuan yang mereka peroleh semasa berada di IDFR banyak membantu mereka untuk menyesuaikan diri di persekitaran baru dan amat bermanfaat dalam kehidupan harian mereka. Para peserta yang lain berminat untuk meneruskan pembelajaran mereka dan turut merancang untuk membuat lawatan kelas ke Perancis pada tahun hadapan.

Kursus Pengenalan Bahasa Perancis untuk Kakitangan IDFR

Kursus ini dijalankan atas permintaan kakitangan IDFR. Seramai 15 orang peserta telah mendaftar untuk kelas pengenalan selama 16 jam ini, yang bertujuan untuk memberi gambaran menyeluruh tentang bahasa Perancis. Para peserta didedahkan

kepada sebutan, perbendaharaan kata dan tatabahasa asas serta pernyataan-pernyataan berguna untuk kegunaan harian di samping mengenali budaya Perancis.

Setelah menamatkan kursus ini pada bulan Januari 2010, para peserta mempunyai pilihan untuk mengikuti kelas pada sebelah petang yang bersesuaian.

Bahasa Perancis Tahap I (Kemasukan Kedua)

Kursus ini dijalankan atas permintaan Perkongsian Multilateral Antarabangsa Menentang Keganasan Siber (IMPACT). Seramai tujuh orang peserta dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelajaran, IMPACT, dan IDFR mengikuti kursus ini. Kursus ini dijangka berakhir pada bulan Mei 2010.

Lain-lain Aktiviti

Beberapa aktiviti luar juga telah dianjurkan untuk memperkenalkan para peserta kursus kepada budaya Perancis. Peserta dari semua tahap dijemput untuk mengikuti aktiviti-aktiviti seperti menghadiri pameran lukisan Perancis, pameran buku, tayangan filem Perancis, makan malam, ‘cheese tasting’ dan menghayati alunan muzik Perancis. Aktiviti-aktiviti tersebut diadakan di *Alliance Française* dan tempat-tempat lain di sekitar Kuala Lumpur.

BAHASA SEPANYOL

Sebanyak lima kursus telah berjaya dijalankan pada tahun 2009. Guru bahasa Sepanyol juga menawarkan khidmat terjemahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Sepanyol sekiranya terdapat permintaan.

Bahasa Sepanyol Tahap I (1/2009)

Kursus ini dijalankan dari 5 Januari hingga 30 Mac 2009 dengan 18 orang peserta dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, dan IDFR.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai bahasa Sepanyol kepada para peserta dan menjurus kepada sebutan yang digunakan dalam situasi formal dan tidak formal. Fungsi bahasa yang telah diperkenalkan termasuklah cara untuk memperkenalkan diri dan orang lain, membuat permintaan, memesan makanan di restoran, menggunakan bahasa yang sesuai semasa berjumpa dan berpisah, dan menerangkan tentang manusia, tempat dan barang.

Kumpulan ini amat bermotivasi dan berkeinginan tinggi untuk belajar. Semasa majlis penutup, Duta Besar Colombia turut hadir dan kopi Colombia dihidangkan kepada peserta kursus.

Bahasa Sepanyol Tahap I (Sambungan untuk Pegawai Kementerian Luar Negeri)

Kursus ini dijalankan dari 21 Oktober 2008 hingga 9 April 2009 untuk lapan orang pegawai Bahagian Amerika, Kementerian Luar Negeri.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai bahasa Sepanyol kepada para peserta dan menjurus kepada sebutan yang digunakan dalam situasi formal dan tidak formal. Fungsi bahasa yang telah diperkenalkan termasuklah cara untuk memperkenalkan diri dan orang lain, membuat permintaan, memesan makanan di restoran, menggunakan bahasa yang sesuai semasa bertemu dan berpisah, dan menerangkan tentang manusia, tempat dan barang.

Para peserta menunjukkan kemajuan yang baik kerana ada di antara peserta telah mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Sepanyol. Dengan itu, lebih banyak bidang bahasa boleh dirangkumi dalam had masa yang telah ditetapkan.

Bahasa Sepanyol Intensif bagi Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD

Kursus ini, yang bermula pada 13 April dan berakhir pada 7 Ogos 2009, dianjurkan untuk tiga orang pegawai dari Kementerian Luar Negeri. Objektif utama kursus adalah untuk memberi

gambaran menyeluruh mengenai bahasa Sepanyol kepada para peserta dan menjurus kepada sebutan yang digunakan dalam situasi formal dan tidak formal. Fungsi bahasa yang telah diperkenalkan termasuklah cara untuk memperkenalkan diri dan orang lain, membuat permintaan, memesan makanan di restoran, menggunakan bahasa yang sesuai semasa bertemu dan berpisah, dan menerangkan tentang manusia, tempat dan barang.

Kursus intensif ini dijalankan selama empat bulan dan turut menyentuh aspek-aspek kebudayaan Sepanyol supaya tidak terjadi kejutan budaya apabila para peserta berada di negara yang bahasa pengantarnya adalah bahasa Sepanyol.

Bahasa Sepanyol Tahap I (2/2009)

Kursus ini dijalankan dari 5 Oktober hingga 28 Disember 2009 untuk 14 orang peserta dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan IDFR.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai bahasa Sepanyol kepada para peserta dengan menjurus kepada sebutan yang diucapkan dalam situasi formal dan tidak formal. Fungsi bahasa yang telah diperkenalkan termasuklah cara untuk memperkenalkan diri dan orang lain, membuat permintaan, memesan makanan di restoran, menggunakan bahasa yang sesuai semasa bertemu dan berpisah, dan menerangkan tentang manusia, tempat dan barang.

Bahasa Sepanyol Tahap II (untuk Pegawai Kementerian Luar Negeri)

Kursus ini telah dijalankan dari 11 Ogos hingga 17 Disember 2009 untuk enam orang pegawai dari Bahagian Amerika, Kementerian Luar Negeri.

Objektif kursus ini adalah untuk melengkapkan para peserta dengan kemahiran untuk menggunakan panggilan yang bersesuaian semasa menyapa seseorang, bercakap mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan kerja dan rutin harian, menjawab telefon, serta mempelawa, menerima atau menolak jemputan. Kesemua peserta menunjukkan minat dan motivasi untuk mempelajari bahasa tersebut.

A photograph of a traditional Chinese ceremony. Several individuals in elaborate costumes are gathered on a set of stone steps. In the center, a woman in a yellow and green outfit holds a large, ornate ceremonial object. To her left, a man in a green and gold robe stands. Behind them, another woman in a red and white outfit is visible. The background features a colorful mural depicting a landscape with mountains and buildings.

BAHAGIAN PENGAJIAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

BAHAGIAN PENGAJIAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Pada bulan Januari 2009, Profesor Dr. Chandran Jeshurun, seorang ahli sejarah dan akademik, telah menyertai IDFR sebagai Pengarah bahagian ini. Beliau telah dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah, seorang Penolong Pengarah, seorang Pembantu Khas dan dua orang Pembantu Tadbir. Walau bagaimanapun, Profesor Dr. Chandran telah meninggal dunia pada bulan November. Ia merupakan satu kehilangan yang besar kepada IDFR. Namun, sepanjang tempoh sembilan bulan di IDFR, beliau telah memastikan beberapa projek telah dijalankan dengan jayanya.

Pada tahun 2009, bahagian ini telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

Perbincangan Mejabulat

Sebuah perbincangan mejabulat bertemakan ‘East Asia Community Building: The Role of ASEAN’ telah dianjurkan pada 12 Ogos 2009. Ini adalah kali ketiga ianya dianjurkan oleh IDFR dengan kerjasama Malaysia International Affairs Forum (MIAF) dan Tun Abdullah Ahmad Badawi, bekas Perdana Menteri Malaysia, telah menyampaikan ucaptama di majlis tersebut.

Perbincangan tersebut telah dibahagikan kepada tiga sesi; *Economic Realities of the ASEAN Plus Three (APT) Process, Political and Diplomatic Aspects, dan East Asia Community Development*. Seramai 12 pembentang kertas kerja dan hampir 75 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program selama sehari itu.

Seminar Akademik

Bahagian ini telah menganjurkan dua seminar akademik dalam tahun 2009. Ia adalah sebahagian

daripada rancangan IDFR untuk mempelbagaikan aktiviti bahagian ini.

Seminar yang pertama bertajuk ‘Contemporary Asia-Pacific Security and the Role of Think Tanks’ dan telah dianjurkan pada 16 Mac 2009. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Tim Huxley, Pengarah Eksekutif, IISS-Asia, *Senior Fellow for Asia-Pacific Security* dan Penyunting, *Adelphi Papers*. Seminar yang kedua telah dijalankan pada 27 Mei 2009 dan bertajuk ‘The Role of Private Diplomacy: The HD Experience’. Martin Griffiths, Pengarah, Centre for Humanitarian Dialogue telah dijemput untuk membentangkan topik tersebut .

Kedua-dua seminar tersebut telah mendapat sambutan yang baik dan dihadiri oleh ramai bekas Duta Besar Malaysia, pegawai Wisma Putra dan agensi-agensi kerajaan yang lain, ahli akademik, para penyelidik, wakil-wakil media dan wakil-wakil organisasi bukan kerajaan. Satu sesi soal jawab dan perbincangan yang mendalam di penghujung kedua-dua seminar telah menjadikan seminar tersebut lebih berkesan.

Kerjasama dengan LSE IDEAS

Bahagian ini juga telah bekerjasama dengan Tan Sri Dr. Munir Majid, *Visiting Senior Fellow* dan Ketua, Southeast Asia International Affairs Programme di LSE IDEAS untuk menganjurkan satu sesi ceramah dan acara pelancaran buku. LSE IDEAS ialah pusat pengajian hal-ehwal antarabangsa, diplomasi dan strategi raya di London School of Economics and Political Science (LSE).

Ceramah yang bertajuk 'China and Southeast Asia' telah disampaikan oleh Profesor Arne Westad, seorang profesor dalam bidang Sejarah Antarabangsa di LSE. Beliau juga merupakan seorang pakar dalam bidang hubungan antarabangsa kontemporari. Seramai 69 orang peserta telah menghadiri ceramah yang diadakan pada 24 Ogos 2009 itu.

Acara pelancaran buku pula telah diadakan pada 15 September 2009. Buku yang bertajuk *When China Rules the World: The Rise of the Middle Kingdom and the End of the Western World* telah dilancarkan oleh Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah Aman. Buku tersebut telah ditulis oleh Martin Jacques, seorang lagi *Visiting Senior Fellow* di LSE IDEAS dan *Visiting Research Fellow* di LSE Asia Research Centre. Seramai 101 orang tetamu, termasuk Tun Abdullah Ahmad Badawi, telah menghadiri pelancaran buku tersebut.

Pada tahun 2009, bahagian ini juga telah menerbitkan:

Laporan Tahunan IDFR 2008

Laporan Tahunan IDFR 2008 telah diterbitkan pada bulan Mei 2009. ia memaparkan aktiviti-aktiviti IDFR sepanjang tahun 2008 dan semua bahagian telah bekerjasama untuk melaporkan aktiviti yang telah dijalankan oleh bahagian masing-masing.

Diplomatic Profile Series-Profiles of Malaysian Foreign Ministers: Abdullah Ahmad Badawi

Buku profil ini merupakan yang kedua di dalam sirinya, selepas Profil Tunku Abdul Rahman yang telah diterbitkan pada tahun 2008. Ia bertujuan untuk memberi penghormatan kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi selaku Menteri Luar Negeri dari tahun 1991 hingga 1999. ia mengandungi artikel yang telah disumbang oleh beberapa bekas Duta Besar yang berpeluang berkhidmat dengan beliau ketika beliau menerajui Wisma Putra.

IDFR 2010 Training Programme 2010

Buku tersebut telah diterbit dan diedarkan pada awal Disember 2009. ia memaparkan program latihan yang akan ditawarkan di IDFR untuk tahun 2010, dan telah diedarkan kepada, antara lain, kementerian-kementerian dan agensi kerajaan, institut latihan, perpustakaan jabatan persekutuan, Perwakilan Malaysia di luar negara dan Perwakilan Asing di Kuala Lumpur.

Diplomatic Profile Series-Profiles of Malaysian Foreign Ministers: Dr. Ismail Abdul Rahman

Buku profil ini merupakan yang ketiga di dalam sirinya. ia merupakan satu analisis pengalaman, sumbangan dan pengorbanan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman selaku Menteri Luar Negeri dari tahun 1959 hingga 1960, dan memberi penghargaan kepada beliau atas sumbangannya kepada sejarah hubungan luar dan diplomasi negara kita.

Malaysia's Territorial Disputes – Two Cases at the ICJ

Penerbitan ini merupakan yang kedua atas topik yang sama – Kes Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, dan Kes Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan [dan Tuntutan Sabah]. Penerbitan yang pertama telah diterbitkan sebagai *Occasional Paper* pada tahun 2008 dan telah diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Kini, ia diterbitkan dalam bentuk dwibahasa.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KORPORAT

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KORPORAT

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat yang diwujudkan dalam tahun 2009, menyediakan rangka, infrastruktur dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menyokong dan membantu IDFR sebagai sebuah institut latihan dalam bidang diplomasi. Bahagian ini terdiri daripada tiga seksyen, iaitu Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia; Seksyen ICT dan Perpustakaan; dan Seksyen Perhubungan Awam dan Acara.

SEKSYEN PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

Pada tahun 2009, Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah yang dibantu oleh seorang Akauntan, seorang Penolong Akauntan dan 38 kakitangan sokongan. Seksyen ini bertanggungjawab ke atas urusan pentadbiran, kewangan dan perjawatan di IDFR.

Bengkel Pengurusan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja

Seksyen ini telah mengatur satu Bengkel Pengurusan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) di IDFR, yang dikendalikan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), masing-masing pada 31 Julai 2009 dan 21 Ogos 2009. Bengkel ini diadakan bagi membolehkan pegawai dan kakitangan menyemak Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang sedia ada serta mendapat pendedahan kepada penyediaan Fail Meja yang baru berdasarkan format yang telah ditetapkan oleh INTAN. Penyediaan MPK dan FM adalah penting kerana ia akan menjadi sumber rujukan untuk setiap pegawai dan kakitangan dalam menjalankan tugasnya serta memudahkan proses ambil alih tugas oleh pegawai dan kakitangan baru. Bengkel-bengkel ini telah dihadiri oleh 80 orang pegawai pelbagai gred.

Latihan ‘Fire Drill’

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan kakitangan, peserta kursus dan aset di IDFR, Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia telah mengadakan satu sesi latihan ‘fire drill’ untuk semua kakitangan IDFR pada 6 Oktober 2009. Objektif utama latihan ini adalah untuk memastikan semua kakitangan dan peserta kursus di IDFR dapat mengosongkan bangunan dalam masa enam minit selepas alat penggera keselamatan berbunyi dan mereka dikehendaki berkumpul di ‘assembly point’ seperti yang telah ditentukan.

Pengurusan Kewangan dan Perakaunan

Pada tahun 2009, peruntukan sebanyak RM 10.8 juta telah diluluskan kepada IDFR. Peruntukan sebenar IDFR hanya berjumlah RM 8.1 juta. Sementara itu, perbelanjaan pengurusan sebenar bagi tahun 2009 pula adalah sebanyak RM 7.6 juta. Ini bermakna, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2009 adalah 93.8%.

IDFR sentiasa berusaha mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan kualiti pengurusan kewangannya. Ini dilaksanakan dengan mengambil beberapa langkah penting seperti berikut:

- Memantau serta mengawal perbelanjaan mengurus bagi semua Bahagian/Seksyen
- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun secara berjadual di peringkat kementerian dan IDFR bagi tujuan mengawal, memantau, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun
- Melaksana dan memperluaskan penggunaan Sistem Perancangan dan Kawalan Bajet Elektronik (eSPKB) bagi mempercepatkan proses bayaran dan menekankan aspek pengawalan peruntukan serta perbelanjaan
- Melaksanakan sistem e-Perolehan (eP) sepenuhnya yang membolehkan perolehan kerajaan diproses atas talian
- Melaksanakan Sistem Bayaran Pukal bagi memproses bayaran utiliti

SEKSYEN ICT DAN PERPUSTAKAAN

ICT

Pada tahun 2009, Seksyen ICT telah diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah, dibantu oleh dua orang Pegawai Teknologi Maklumat, dua orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan dua orang Juruteknik Komputer. Seksyen ini bertanggungjawab sepenuhnya atas segala perkara yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di IDFR. Secara keseluruhannya pada tahun 2009, Seksyen ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur ICT di IDFR seperti menaik taraf sistem e-mel, memperkuatkannya tahap keselamatan rangkaian, memperluaskan liputan capaian internet tanpa wayar dan menukar ganti peralatan ICT yang wajar dilupuskan. Selain pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang pada tahun tersebut, Seksyen ICT juga menyediakan kemudahan bantuan teknikal dan penyelenggaraan perkakasan serta perisian komputer kepada semua kakitangan IDFR.

Dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, Seksyen ICT telah mengambil langkah proaktif dengan menggantikan

sistem e-mel yang sedia ada. Sistem e-mel baru yang menggunakan *Microsoft Exchange 2007* ini berkeupayaan meningkatkan kualiti penghantaran e-mel dan ketersediaan menampung pertambahan pengguna e-mel pada masa akan datang. Selain itu, antara muka grafik sistem e-mel tersebut adalah lebih menarik dan dilengkapi dengan ciri-ciri tambahan seperti penyediaan dan perkongsian kalender, penerimaan e-mel yang boleh dibaca menerusi *Personal Digital Assistant (PDA)* dan keupayaan untuk menguruskan paparan antara muka e-mel oleh pengguna sendiri. Oleh itu, bagi melancarkan pelaksanaan projek ini, beberapa sesi latihan telah diadakan bagi membolehkan pengguna e-mel IDFR menggunakan platform e-mel yang baru pada tahun 2010.

Pengawalan dan pemantauan yang berkesan boleh menghindar pencerobohan yang tidak diingini oleh pihak luar. Lantaran itu, pada tahun 2009, Seksyen ICT telah memperkenalkan konsep *Active Directory (AD)* di IDFR, yang merupakan suatu perkhidmatan direktori bagi penyimpanan maklumat peralatan ICT yang terdapat di dalam rangkaian IDFR seperti daftar profil pengguna, komputer, perkongsian folder dan mesin pencetak yang boleh dicapai menerusi satu pangkalan data sahaja. Ia boleh diibaratkan sebagai sebuah buku panduan telefon atau *yellow pages* yang menyimpan nombor telefon dan alamat pengguna. AD menyediakan kemudahan kepada Pentadbir Rangkaian dalam menguruskan maklumat tersebut secara berpusat. Pihak pentadbir tidak perlu hadir ke lokasi pengguna sekiranya terdapat permasalahan. Sebagai contoh, kerja-kerja konfigurasi profil pengguna, polisi kumpulan pengguna dan komputer boleh dilaksanakan dari jarak jauh (*remote access*).

Perkembangan teknologi yang semakin pesat secara tidak langsung boleh menyebabkan peningkatan jenayah siber. Bagi memastikan rangkaian IDFR tidak diceroboh dan menjadi mangsa kepada penjenayah siber, Seksyen ICT mengambil inisiatif untuk memperkuatkannya lagi tahap keselamatan rangkaian IDFR. Oleh itu, perolehan satu unit *Firewall Fortigate* telah dibuat bagi menggantikan *firewall* lama. *Firewall* baru ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang berupaya mengimbas dan menapis segala transaksi

data yang keluar masuk daripada rangkaian IDFR. Data-data yang dikenal pasti sebagai ancaman virus, *spam* atau bahan terlarang dan sebagainya, tidak dibenar melepas rangkaian IDFR. Melalui *firewall* ini juga, laman web yang tidak sewajarnya dicapai oleh pengguna akan disekat. Secara tidak langsung, dengan perolehan *firewall* ini, ia dapat membantu menyokong pemantauan berkala pihak Seksyen ICT dalam mengenal pasti sebarang keadaan yang mencurigakan demi menjamin tahap keselamatan rangkaian IDFR sentiasa berada dalam keadaan selamat dan sedia guna setiap masa.

Selain itu, dalam menjamin tahap kebolehcapaian data pada setiap masa, perolehan satu unit *Uninterruptible Power Supply* (UPS) untuk *server* telah dibuat. UPS ini bertindak sebagai ‘back up’ kepada bekalan arus elektrik sekiranya berlaku masalah ketidadaan arus elektrik dan turut bertindak menstabilkan arus elektrik. Ia juga berkeupayaan memberikan maklumat terkini kepada pihak Seksyen ICT jika terdapat gangguan bekalan kuasa kepada semua *server* yang ditempatkan di bilik tersebut.

Selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2006: Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU, semua agensi sektor awam yang melaksanakan infrastruktur ICT dikehendaki menubuhkan pasukan pengendalian insiden (*Computer Emergency Response Team* atau *CERT*) di agensi masing-masing. Seksyen ICT turut menyertai pasukan tersebut di bawah Kementerian Luar Negeri. Perkara ini telah dipersetujui menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KLN Bil. 2/2009. Ahli-ahli yang telah dilantik akan bertindak sebagai *first level support* kepada *Government Computer Emergency Response Team (GCERT)* dan bertanggungjawab memaklumkan sebarang insiden keselamatan ICT kepada pihak pengurusan GCERT dan seterusnya melaksanakan tindakan sewajarnya dalam menangani sebarang permasalahan.

Bagi memastikan IDFR menjadi sebuah institut latihan setaraf dengan institut latihan antarabangsa yang lain, IDFR sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan dan kemudahan

prasarana yang disediakan kepada para pelanggannya berada pada tahap terbaik. Untuk menyokong hasrat tersebut, liputan rangkaian tanpa wayar (*wireless*) yang sedia ada telah diperluaskan ke bangunan Blok C, auditorium dan juga kafeteria. Penyediaan kemudahan ini bertujuan membolehkan peserta kursus dan pelawat yang datang ke IDFR membuat capaian internet dengan mudah.

Suasana persekitaran kerja yang kondusif adalah penting bagi meningkatkan produktiviti pekerja. Oleh itu, sejajar dengan pertambahan perjawatan di IDFR, Seksyen ICT berusaha untuk memperlengkapkan ruang kerja kakitangan IDFR, bilik kuliah dan makmal komputer dengan kemudahan peralatan ICT. Perolehan bagi 31 unit komputer peribadi, empat unit komputer riba, lapan unit pencetak, lima unit projektor dan dua unit *motorised screen* telah dibuat bagi menukar ganti peralatan yang wajar dilupuskan dan menambah baik kelengkapan ICT. Projektor dan *motorised screen* telah dipasang di Bilik Mesyuarat Eksekutif dan Bilik Mesyuarat Duta.

Perpustakaan

Selaras dengan misi IDFR, Seksyen Perpustakaan telah ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan penyelidikan dan bahan rujukan untuk pegawai dan peserta kursus. Seksyen ini dikendalikan oleh seorang Timbalan Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pengarah serta tujuh orang kakitangan sokongan.

Seksyen Perpustakaan berhasrat membina satu koleksi yang lengkap dan terkini dari pelbagai bahan dalam bentuk bercetak dan multimedia berkaitan hubungan luar negeri seperti diplomasi, perhubungan antarabangsa, pengajian strategik dan lain-lain bidang yang berkaitan dengannya. Bahan perpustakaan boleh diakses melalui webOPAC perpustakaan di <http://www.idfr.gov.my/lib/opac1.php>

Seksyen Perpustakaan meneruskan usaha memantapkan lagi perkhidmatan yang disediakan melalui pengukuhan koleksi serta peningkatan khidmat rujukan untuk memenuhi keperluan maklumat IDFR dengan menggalakkan pembacaan

serta penyelidikan di kalangan pegawai dan peserta kursus.

Dalam tahun 2009, sejumlah 567 judul telah diperoleh manakala sebanyak 66 terbitan bersiri bercetak telah dilanggan. Perolehan bahan dibuat melalui pemilihan daripada katalog penerbit, kunjungan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 dan judul yang dicadangkan oleh pensyarah dan pegawai IDFR. Seksyen Perpustakaan kini mempunyai sebanyak 72,680 jilid bahan terdiri daripada buku, jurnal, majalah, kertas kerja seminar, penerbitan IDFR, kertas projek, tesis dan bahan multimedia.

Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini, sistem maklumat di IDFR sentiasa dikemaskini dan dipertingkatkan pelaksanaannya di mana Seksyen Perpustakaan telah melanggar sembilan pangkalan data tempatan dan antarabangsa untuk faedah pengguna.

Seksyen Perpustakaan turut menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk Perkhidmatan Pertanyaan Rujukan, Pinjaman antara Perpustakaan, Pengindeksan, Pengelasan dan Pengkatalogan Bahan Perpustakaan, Perkhidmatan Pangkalan Data Atas Talian, Internet dan Perkhidmatan Fotostat.

Pada tahun 2009, Seksyen Perpustakaan telah mempunyai seramai 367 ahli berdaftar. Jumlah pinjaman akses terbuka adalah sebanyak 6,280. Terdapat juga peningkatan dalam perkhidmatan pertanyaan rujukan yang dibuat melalui pelbagai saluran seperti e-mel, telefon, surat atau secara bersemuka. Jumlah pertanyaan rujukan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 2,367.

Seksyen Perpustakaan juga telah berjaya menganjurkan Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat pada 20 Mei 2009. Objektif bengkel ini adalah untuk membantu pengguna perpustakaan, terutamanya peserta kursus, untuk mencari dan mendapatkan maklumat secara betul dan efektif dalam sesuatu subjek.

Ia juga telah menganjurkan sesi Perkongsian Pengetahuan berhubung Tatacara Pengendalian Majlis Rasmi untuk kakitangan IDFR pada 10 November 2009 bagi meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan peraturan, panduan dan etika dalam pengendalian sesuatu majlis rasmi.

Seksyen Perpustakaan berhasrat untuk meningkatkan lagi sumber maklumatnya dalam bidang diplomasi dan kajian strategik, mempakej dan berkongsi maklumat dalam pelbagai bentuk bagi menyokong sepenuhnya pelaksanaan program latihan dan penyelidikan IDFR.

Seksyen Perpustakaan dibuka dari pukul 7.30 pagi hingga 5.00 petang setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti am. Walau bagaimanapun, waktu operasi boleh dilanjutkan atas permintaan.



KURSUS LATIHAN
DIPLOMATIK UNTUK
PEGAWAI PTD

KURSUS LATIHAN DIPLOMATIK UNTUK PEGAWAI PTD

Sebagai cabang latihan kepada Kementerian Luar Negeri, Malaysia, IDFR bertanggungjawab untuk melatih diplomat dan pegawai diplomatik kementerian. Setiap tahun, IDFR menganjurkan kursus yang memenuhi secara khusus kehendak dan keperluan kementerian.

Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD adalah salah satu kursus yang dianjurkan setiap tahun dan adalah teras kepada latihan di IDFR. Peserta kursus terdiri dari Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang baru dilantik ke Kementerian Luar Negeri.

Fokus kursus selama empat bulan ini adalah untuk mengukuh serta meluaskan tahap intelektual para peserta dengan kemahiran pelbagai disiplin yang penting bagi memastikan mereka bersedia memainkan peranan serta memikul tanggungjawab sebagai pegawai diplomatik. Kursus ini menyentuh pelbagai subjek dan bidang. Antara modul-modul tersebut ialah Pengurusan Krisis; Penulisan Diplomatik; Mempertahankan Kepentingan Negara Malaysia; Perundingan Antarabangsa; Kemahiran Media; Komunikasi Silang Budaya; Etiket Makan Beradab; dan Bahasa Asing — sama ada bahasa Arab, Mandarin, Perancis atau Sepanyol.

Dalam usaha mengasah dan meningkatkan keyakinan para peserta dalam pengucapan awam, kemahiran pembentangan dan rundingan, para peserta dikehendaki mengambil bahagian di dalam latihan simulasi mesyuarat Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Para peserta juga perlu duduk di ‘kerusi panas’ semasa modul Mempertahankan Kepentingan Negara Malaysia di

mana mereka perlu memainkan peranan sebagai wakil Malaysia di luar negara dan membentang serta mempertahankan satu dasar negara dalam suasana simulasi sidang akhbar.

Kursus ini turut memberi peluang kepada para peserta untuk bertemu dan belajar daripada pengalaman dan pengetahuan tokoh-tokoh jemputan; antara lain termasuklah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Tan Sri Razali Ismail, Laksamana Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor, Dr. Chandra Muzaffar dan Ambasador Kishan Rana dari DiploFoundation.

Sebagai sebahagian dari keperluan kursus ini, para peserta dikehendaki menyertai penempatan selama seminggu di Perwakilan Malaysia di luar negara. Ini adalah untuk membolehkan mereka memperoleh pendedahan dan pengalaman tentang keadaan sebenar bertugas di Perwakilan.

IDFR merancang untuk menjadikan kursus ini sebagai sebuah Program Diploma yang diiktiraf, dan sedang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memenuhi keperluan yang dikehendaki.



SARJANA SAINS SOSIAL DALAM STRATEGI DAN DIPLOMASI

SARJANA SAINS SOSIAL DALAM STRATEGI DAN DIPLOMASI

Program Sarjana Sains Sosial dalam Strategi dan Diplomasi adalah anjuran bersama oleh IDFR dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), universiti yang menganugerahkan ijazah ini. Ianya kini dalam tahun ke-11 pelaksanaannya dan merupakan program intensif selama 13 bulan yang bertujuan untuk memberi pemahaman yang meluas tentang isu-isu penting berkaitan teori dan amalan dalam strategi dan diplomasi. Lebih dari 160 pelajar telah menamatkan pengajian dari program ini semenjak ia bermula. Pelajar untuk sesi pengambilan 2009/2010 terdiri dari 16 orang termasuk sembilan pelajar asing dari Afghanistan, Amerika Syarikat, Fiji, Guinea, Kanada, Maldives, Myanmar, Papua New Guinea dan Thailand.


Program sarjana ini menyedia dan melengkapkan pelajar dari latar belakang akademik yang berbeza dengan kebolehan untuk mengkaji hubungan antara strategi dan diplomasi dalam konteks situasi global yang berubah-ubah. Ia memberi fokus kepada pemahaman yang lebih tentang isu strategik dan keselamatan; diplomasi; polisi luar; keamanan global; ekonomi politik antarabangsa; undang-undang antarabangsa; polisi keselamatan dan kajian serantau, untuk membolehkan mereka membuat analisis tentang senario dunia masa kini; untuk mempunyai pemahaman yang lebih tentang undang-undang dan organisasi antarabangsa; dan untuk menyediakan suatu forum untuk pertukaran idea dan pendapat yang sihat tentang isu kontemporari dalam strategi dan diplomasi. Pembelajaran dijalankan melalui kuliah, perbincangan, pembentangan, kerja berkumpulan, seminar, tugas, peperiksaan dan tesis.

Semua pemohon yang berminat untuk menyertai program ini mestilah mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda atau yang setaraf dengannya, dan kemahiran bertutur di dalam bahasa Inggeris. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam sektor awam Malaysia mesti menyerahkan permohonan mereka melalui jabatan masing-masing dan memperoleh kelulusan untuk cuti sambil belajar ataupun mendapat Biasiswa Kerajaan.

Borang permohonan untuk program ini boleh dimuat turun dari www.idfr.gov.my, dan perlu sampai ke IDFR selewat-lewatnya pada 15 Januari setiap tahun.

Anggaran
Kampus IDFR

oleh


Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia

8 Januari 2009

PELANCARAN RASMI KAMPUS IDFR

PELANCARAN RASMI KAMPUS IDFR

8 Januari 2009 merupakan tarikh yang penting dalam sejarah IDFR. Pada hari tersebut, kampus IDFR di Jalan Wisma Putra telah dilancarkan secara rasminya. Ia kini terletak di tapak lama Kementerian Luar Negeri sebelum kementerian berpindah ke Putrajaya pada tahun 2001. Dari segi sejarah, IDFR terletak di tapak kediaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bekas Perdana Menteri dan Menteri Hal-Ehwal Luar semasa beliau menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi merupakan tetamu kehormat. Beliau disambut oleh Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan Dato' Seri Syed Hamid Albar; kedua-duanya merupakan bekas Menteri Luar Negeri. Beliau turut disambut oleh kakitangan IDFR yang berpakaian tradisional negara-negara di seluruh dunia. Tun Abdullah terus dibawa ke Galeri untuk menandatangani Buku Pelawat IDFR.

Tun Abdullah kemudiannya diiringi ke Auditorium IDFR, tempat pelancaran rasmi. Di dalam ucapannya, Tun Abdullah berkata bahawa "tempat ini, yang pada suatu ketika dahulu menjadi buaian kepada diplomasi kita dalam sejarah negara, kini telah menjadi tempat asuhan dan pusat latihan untuk generasi kini dan akan datang yang memilih kerjaya dalam bidang diplomasi". Untuk menekankan lagi tentang pentingnya peranan IDFR, Tun Abdullah berkata, "dalam menyediakan diplomat Malaysia untuk peranan penting yang perlu mereka mainkan, IDFR mestilah turut bersedia dan cekap dalam memainkan peranannya". Dengan tiga pukulan gong oleh Tun Abdullah, kampus IDFR telah dilancarkan dengan rasminya. Majlis pelancaran itu dihadiri oleh para pengamal dan mereka yang terkenal dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Untuk memeriahkan lagi majlis pelancaran tersebut, IDFR telah menganjurkan pameran penerbitan. Agensi yang mengambil bahagian termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka; Institut Kajian Oksidental, UKM; Institut Asia-Eropah, UM; Pusat Pengajian ASEAN, UiTM; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM; Pusat Kajian Polisi dan Pengajian Antarabangsa (CENPRIS), USM; Jabatan Penerangan dan Diplomasi Awam, Kementerian Luar Negeri; INTAN; dan UUM, yang telah memperkenalkan penerbitan terbaru mereka. Pihak Kementerian juga telah menganjurkan 'Hari Bertemu Pelanggan' dan mengadakan pameran gambar.

Sejurus selepas majlis pelancaran, Tun Abdullah telah dibawa melawat IDFR dan kawasan pameran sebelum beliau diiringi ke Dewan Serbaguna untuk jamuan makan tengahari bersama para tetamu yang lain.

Plak yang telah ditandatangani oleh Tun Abdullah sewaktu pelancaran tersebut, kini dengan bangganya dipamerkan di lobi utama IDFR.



◀ Para peserta Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai PTD 2009 semasa sesi simulasi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Participants of the Diplomatic Training Course for PTD Officers 2009 during a simulation session of the United Nations Security Council

Salah seorang peserta Kursus Latihan Diplomatik untuk Peserta Antarabangsa menerima sijilnya daripada Dato' Rohana Ramli, Pengarah Kanan IDFR

A participant of the Diplomatic Training Course for International Participants receiving his certificate from Dato' Rohana Ramli, Senior Director of IDFR



◀ Para peserta Kursus Pertengahan Kerjaya untuk Diplomat sedang berkongsi idea

Participants of the Mid-Career Course for Diplomats during a brainstorming session

Para pelajar Sarjana sesi 2008/2009 bergambar bersama Pengerusi Eksekutif dan pegawai kanan IDFR selepas jamuan makan perpisahan yang dianjurkan untuk mereka

The 2008/2009 Masters students with the Executive Chairman and senior officers of IDFR after the farewell luncheon organised for them



◀ Salah satu saat melucukan semasa Kursus Orientasi untuk Ketua-ketua Perwakilan dan Pasangan

One of the many lighter moments during the Orientation Course for Heads of Mission and Their Spouses

Tan Sri Hasmy Agam memberi ucapan selamat datang kepada para peserta Kursus Pra-Penempatan bagi Pegawai dan Pasangan

Tan Sri Hasmy Agam welcoming the participants of the Pre-Posting Orientation Course for Officers and Their Spouses





◀ Para peserta Kursus Pengurusan Krisis untuk Peserta Antarabangsa, bersama beberapa pelatih IDFR dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, semasa lawatan ke KLCC

The participants of the Crisis Management for International Participants Course, together with several IDFR trainees from Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, during a visit to KLCC

Para peserta Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media ▶

Participants of the Workshop on Public Diplomacy and Media Skills



◀ Para peserta Program Serantau Komanwel dalam Latihan Diplomatik semasa jamuan makan malam di Restoran Seri Melayu

The participants of the Commonwealth Regional Programme in Diplomatic Training during a dinner at Seri Melayu Restaurant

Dato' Sri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri, bersama-sama para peserta Kursus Orientasi untuk Diplomasi

Dato' Sri Anifah Aman, the Foreign Minister, with participants of the Orientation Course for Diplomacy



◀ Tan Sri Rastam Mohd. Isa, Ketua Setiausaha, turut menyertai 'Fine Dining Practicum' semasa Kursus Orientasi untuk Diplomasi

Tan Sri Rastam Mohd. Isa, Secretary General, also participated in the Fine Dining Practicum during the Orientation Course for Diplomacy

Encik Kamal Malhotra dari Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan salah seorang penceramah jemputan IDFR

Mr. Kamal Malhotra of the United Nations Development Programme was one of IDFR's guest speakers





◀ Sir Peter Ricketts, Setiausaha Tetap Pejabat Luar British dan Komanwel, semasa perbincangan mejabulat bertajuk 'Foreign Policy in an Era of Globalisation'

Sir Peter Ricketts, the Permanent Under Secretary of the British Foreign and Commonwealth Office, during the roundtable discussion on 'Foreign Policy in an Era of Globalisation'

Reverend Jesse Louis Jackson, Sr. bersalaman dengan sebahagian tetamu yang hadir di ceramah umum bertajuk 'Building a Culture of Peace and Development in a Globalised World'

Reverend Jesse Louis Jackson, Sr. greeting some of the guests who attended the public lecture on 'Building a Culture of Peace and Development in a Globalised World'



◀ Datuk Ernest Bower, bekas Presiden Majlis Perniagaan AS-ASEAN dan rakan kongsi di BrooksBower Asia, di perbincangan mejabulat yang bertajuk 'The Obama Team: The New US President's Line Up and How They Will Relate to Southeast Asia'

Datuk Ernest Bower, the former President of US-ASEAN Business Council and partner at BrooksBower Asia, at the roundtable on 'The Obama Team: The New US President's Line Up and How They Will Relate to Southeast Asia'

Tun Musa Hitam menyampaikan ucaptama yang bertajuk 'The Rise of China as a Global Power: Its Implications for Malaysia, the Region and the World' semasa Bengkel Hubungan Malaysia-China: Perspektif Dua Hala, Rantau dan Global

Tun Musa Hitam delivering his keynote address entitled 'The Rise of China as a Global Power: Its Implications for Malaysia, the Region and the World' during the Workshop on Malaysia-China Relations: Bilateral, Regional and Global Perspectives



◀ Sebahagian tetamu yang sedang mendengar ucaptama oleh Tun Musa Hitam

Among the guests listening to the keynote address by Tun Musa Hitam

T.Y.T. Vincent Piket, Ketua Delegasi Suruhanjaya Eropah ke Malaysia sewaktu siri mejabulat IDFR-IKON 3D yang bertajuk 'The European Union and ASEAN: Current Challenges and Future Prospects'

H.E. Vincent Piket, Head of Delegation of the European Commission to Malaysia during the IDFR-IKON 3D Series Roundtable on 'The European Union and ASEAN: Current Challenges and Future Prospects'





◀ T.Y.T. Sergio De Souza Fontes Arruda, Duta Besar Brazil ke Malaysia sewaktu berada di Universiti Kebangsaan Malaysia untuk berucap di siri mejabulat IDFR-IKON 3D yang bertajuk 'Enhancing Latin America's Linkages with Asia/ASEAN: A Brazilian Perspective'

H.E. Sergio De Souza Fontes Arruda, Ambassador of Brazil to Malaysia at Universiti Kebangsaan Malaysia to speak at the IDFR-IKON 3D Series Roundtable on 'Enhancing Latin America's Linkages with Asia/ASEAN: A Brazilian Perspective'

Cik Marrie Y. Schaefer daripada Kedutaan Besar Amerika Syarikat menyampaikan ceramah beliau yang bertajuk 'The Role of Missions in Public Diplomacy' sewaktu Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media 2/2009

Ms. Marrie Y. Schaefer from the US Embassy giving a lecture on 'The Role of Missions in Public Diplomacy' during the Workshop on Public Diplomacy and Media Skills 2/2009



◀ Peserta Bengkel Perundangan Awam Antarabangsa semasa sesi ceramah bertajuk 'International Humanitarian Law'

Participants of the Workshop on Public International Law during a lecture on 'International Humanitarian Law'

Peserta kursus Perbualan Bahasa Malaysia
berlatih menggunakan bahasa Malaysia ▶

*Course participants of the Conversational Malay
Course practising their Malay*



◀ Peserta kursus Effective
Presentation Skills

*Effective Presentation Skills
course participants*

Peserta kursus Speaking Skills: Say It Right ▶

Speaking Skills: Say It Right course participants





◀ Puan Sri Mudlifah Mohd. Yusoff, isteri kepada Pengurus Eksekutif, menerima sijil beliau sewaktu majlis penutup dan penyampaian sijil untuk kursus bahasa Arab Tahap 1

Puan Sri Mudlifah Mohd. Yusoff, wife of the Executive Chairman, receiving her certificate during the closing and certificate presentation ceremony for Arabic Level 1

T.Y.T. Silvia Castro De Gonzalez, Duta Besar Colombia di majlis penutup dan penyampaian sijil untuk kursus bahasa Sepanyol Tahap 1

H.E. Silvia Castro De Gonzalez, Colombian Ambassador at the closing and certificate presentation ceremony of Spanish Level 1



◀ Kakitangan IDFR sedang berlatih bertutur dalam bahasa Perancis

IDFR staff practising their French

Dato' Sri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri, bersama Encik Martin Jacques sewaktu pelancaran buku yang bertajuk *When China Rules the World: The Rise of the Middle Kingdom and the End of the Western World*

Dato' Sri Anifah Aman, the Foreign Minister, with Mr. Martin Jacques during the launch of the book entitled 'When China Rules the World: The Rise of the Middle Kingdom and the End of the Western World'



◀ Di antara para peserta yang menyertai seminar yang bertajuk 'Contemporary Asia-Pacific Security and the Role of Think Tanks'

Among the participants who attended the seminar on 'Contemporary Asia-Pacific Security and the Role of Think Tanks'

Encik Martin Griffiths memberikan ceramah yang bertajuk 'The Role of Private Diplomacy: The HD Experience'

Mr. Martin Griffiths speaking on 'The Role of Private Diplomacy: The HD Experience'





◀ Di antara pembentang kertas kerja di perbincangan mejabulat anjuran bersama IDFR dan Malaysia International Affairs Forum (MIAF)

Among the paper presenters at the roundtable coorganised by IDFR and the Malaysia International Affairs Forum (MIAF)

T.Y.T. Penny Williams, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, merupakan antara tetamu khas yang hadir ke perbincangan mejabulat anjuran bersama IDFR dan Malaysia International Affairs Forum (MIAF)

H.E. Penny Williams, Australian High Commissioner to Malaysia, was among the special guests at the roundtable discussion coorganised by IDFR and the Malaysia International Affairs Forum (MIAF)



◀ Penerbitan IDFR pada tahun 2009

IDFR publications in 2009

Dato' Sri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri, berkenalan dengan pegawai dan kakitangan semasa lawatan pertamanya ke IDFR

Dato' Sri Anifah Aman, the Foreign Minister, meeting the officers and staff during his first visit to IDFR



◀ Menteri Luar Negeri dan Timbalan-timbalan Menteri Luar Negeri dibawa melawat sekitar IDFR oleh Tan Sri Hasmy Agam

The Foreign Minister and the Deputy Foreign Ministers being taken on a tour of IDFR by Tan Sri Hasmy Agam

Sesi latihan sistem e-mel baru yang dihadiri oleh Pengurus Eksekutif dan Ketua-ketua Bahagian, bertempat di Makmal Komputer IDFR

The training session on the new e-mail system, attended by the Executive Chairman and Heads of Department, took place in the IDFR Computer Lab





◀ Para Pelatih IDFR sedang belajar menari tarian zapin di Istana Budaya

*IDFR trainees learning the 'zapin'
at Istana Budaya*

Kakitangan IDFR bermain 'musical chair' ▶
semasa Hari Keluarga IDFR

*IDFR staff playing 'musical chair'
during its Family Day*



◀ Kejohanan boling IDFR di Berjaya Times Square

*IDFR's bowling tournament at
Berjaya Times Square*

©IDFR 2010

Published by
Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR)
Ministry of Foreign Affairs
Kuala Lumpur, Malaysia
www.idfr.gov.my

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, including photocopying, recording, scanning, or otherwise, without the written permission of the publisher.

ISSN 1985-1030

CONTENTS

Message from the Secretary General, Ministry of Foreign Affairs, Malaysia	75
Foreword by the Executive Chairman of IDFR	79
Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR)	83
Officers and Staff of IDFR	87
Training Division	97
Language Division	105
Academic Studies, Research and Publication Division	113
Corporate and Management Services Division	117
Diplomatic Training Course for PTD Officers	123
Master of Social Science in Strategy and Diplomacy	125
Official Launch of IDFR Campus	127





MESSAGE FROM THE SECRETARY GENERAL, MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS, MALAYSIA

I wish to congratulate IDFR for successfully conducting all the courses that had been planned for the year 2009. I am pleased that IDFR has been able to maintain the quality of its training courses and also ensure their continued relevance. A fast-changing and dynamic world demands the best out of Malaysia's corps of professional diplomats and civil service officers serving the nation at home and abroad. The training and skills development provided by IDFR continue to be highly valuable for them.

The courses at IDFR have benefitted many. They are not only offered to our own diplomats and other Malaysian Government officers but also to those from other developing countries under the Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP). IDFR has been able to equip these diplomats and officers with knowledge and expertise in the field of diplomacy and international relations as well as help to sharpen their professional skills in such areas as cross-cultural communication, public diplomacy and other related fields. I am also delighted that IDFR places equal importance to the training of its own officers and staff to enhance its service delivery.

I am encouraged to note that IDFR has widened its scope and increased the number of courses offered. The Regional Studies programme first introduced in 2008 focusing on the African region, was followed by a seminar on China in August 2009. This was done in commemoration of the 35th anniversary of the Malaysia and China diplomatic relations. The seminar received positive response from the Heads of Foreign Missions in Kuala Lumpur, former Malaysian Ambassadors to China, academicians, government officers, and executives from government-linked companies.

I am pleased that IDFR had, for the first time, offered a Mandarin language module to the Diplomatic Training Course for PTD Officers in 2009. This is a move in the right direction. Prior to this, IDFR only offered Arabic, French and Spanish to course participants. I would like to encourage all officers and staff of the Ministry of Foreign Affairs and other ministries and government agencies to take advantage of the foreign language classes organised by IDFR in the evenings.

I am also pleased that IDFR has taken the initiative to upgrade the status of the Diplomatic Training Course for PTD Officers to a Diploma Programme. Beginning 2010, participants of this course will be conferred a 'Diploma in Diplomacy'. This is indeed a welcome development and would add to the stature of the Institute.

Public lectures and roundtable discussions on international relations are also part of IDFR training activities. Through such events, IDFR continues to play its role in creating awareness and understanding of international relations. The number of participants who attended IDFR's public lectures and roundtable discussions in 2009, numbering more than 1000, reflects IDFR's prestige as a diplomatic training institute that is able to organise programmes of interest to practitioners of diplomacy and international relations.

IDFR has also continued its effort to establish networking with diplomatic institutes and other relevant organisations and agencies. Its participation in the annual meetings of 'Deans and Directors of Diplomatic Academies and Institutes of International Relations' and 'Deans and Directors

of Diplomatic Training Institutes of ASEAN Plus 3' would contribute towards enhancing its reputation as a centre of excellence in the field of diplomatic training in the Asian region. IDFR's collaboration with the International Peace Foundation – a non-political and a non-religious foundation based in Vienna, Austria under the common patronage of 21 Nobel Peace Prize Laureates – when they organised a very well-attended dialogue session entitled 'Building a Culture of Peace and Development in a Globalised World' in April 2009 with the Reverend Jesse Jackson, Sr. as Keynote Speaker, is a very laudable effort. I trust that this will pave the way for more such collaborations with other relevant international organisations and agencies in the interest of promoting further the image and prestige of IDFR.

I wish to commend IDFR for bringing out the publications entitled *Malaysia's Territorial Disputes: Two Cases at the ICJ* and the Diplomatic Profile Series of two former Foreign Ministers, namely, Tun Abdullah Ahmad Badawi and Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. I look forward to more of such publications which will record for posterity the contributions of distinguished personalities of a bygone era of our history as a nation.

I offer my sincere appreciation to Tan Sri Hasmy Agam, Executive Chairman of IDFR, and officers and staff of IDFR for their commitment, dedication and professionalism, and congratulate the Institute for all its achievements.

Thank you.

"1 Malaysia: People First, Performance Now"

TAN SRI RASTAM MOHD. ISA





FOREWORD BY THE EXECUTIVE CHAIRMAN OF IDFR

IDFR was privileged to welcome on 10 April 2009, our newly appointed Minister of Foreign Affairs, Dato' Sri Anifah Aman, who visited the Institute with his two newly-appointed Deputies for a briefing on IDFR's programmes and activities.

For the year under review IDFR had successfully organised all of its scheduled training programmes and activities, thanks to the commitment and dedication of all its officers and staff, as well as the continuing support of the Ministry of Foreign Affairs and other agencies and institutions, and our guest lecturers.

A total of 48 courses were successfully organised in 2009. As the training arm of the Ministry, IDFR's core business is the training of diplomats and other Government officers in the field of diplomacy and international affairs. In this regard IDFR conducted courses catered to the needs of the Ministry. At the request of the Foreign Minister, a special course was organised to enhance participants' knowledge and professional skills, especially in the areas of public diplomacy and media skills, conference diplomacy, and fine dining etiquette, among others. Twenty-five senior officers of the Ministry attended the intensive one-day course. The Minister not only officiated at the opening of the course but also participated in a few sessions,

as did his two newly-appointed Deputies. We are grateful to the Minister for his strong support for IDFR which clearly reflects his recognition of the importance of the acquisition of knowledge, expertise and skills for a profession that has to keep abreast of developments in a rapidly changing and dynamic international environment of today.

IDFR also continued to conduct various training courses for other Malaysian Government ministries and agencies, as well as courses for officials of developing countries under the sponsorship of the Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) and continues to receive requests from other governments which IDFR tries to accommodate within its existing resources.

Aside from conducting training courses IDFR also organised public lectures, seminars and roundtable discussions focusing on issues of foreign policy and international affairs. In April, IDFR in collaboration with the Vienna-based International Peace Foundation (IPF) organised a well-attended public lecture given by the Reverend Jesse Louis Jackson, Sr., one of America's foremost civil rights and political leaders, who spoke on 'Building a Culture of Peace and Development in a Globalised World'. In August, Tun Musa Hitam, former Deputy Prime Minister of Malaysia and Joint Co-Chairman

of Malaysia-China Business Council, delivered a keynote address in the IDFR Auditorium during a workshop held to commemorate the 35th year of diplomatic relations between Malaysia and China. In the same month, in collaboration with Tan Sri Dr. Munir Majid, Senior Visiting Fellow of the LSE IDEAS Southeast Asia Programme, IDFR organised a public lecture by LSE IDEAS co-director Dr. Arne Westad on the topic 'China and Southeast Asia'. Among those who attended was former Prime Minister Tun Abdullah Ahmad Badawi. In September the Foreign Minister spoke at another IDFR-LSE IDEAS programme in connection with the book launch of Martin Jacques' *When China Rules the World* which was chaired by Tan Sri Dr. Munir Majid, who is also IDFR Distinguished Fellow.

As part of its continuing efforts to establish strategic linkages, strengthen ties, and learn and emulate the best practices of other diplomatic academies, IDFR participated in the 37th Meeting of Deans and Directors of Diplomatic Academies and Institutes of International Relations in Vienna, Austria, and the Sixth Annual Meeting of Deans and Directors of Diplomatic Training Institutes of ASEAN Plus 3 in Seoul, Republic of Korea.

In its research and publication programme three new publications were added to IDFR's growing list of published reading materials in 2009. The first

was a bilingual publication of the two cases brought by Malaysia for adjudication to the International Court of Justice entitled *Malaysia's Territorial Disputes-Two Cases at the ICJ*. The other two publications were additions to its Diplomatic Profiles Series focusing on the country's past Foreign Ministers as a tribute to their achievements and service to the nation. This time the focus was on Tun Abdullah Ahmad Badawi and Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, both of whom had served in that position.

IDFR had earlier undertaken a pilot project on Key Performance Indicators (KPI) to monitor the quality of its training courses and related activities. These were further improved and streamlined with those of the Ministry's following the Prime Minister's initiative on KPIs and KRAs for the public service.

The joint Master's programme with Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) on Strategy and Diplomacy has reached its eleventh year, and to date, it has produced more than 160 alumni. IDFR also has a collaborative Roundtable programme with UKM's Institute of Occidental Studies (IKON) and will continue to explore other collaborative arrangements with local and foreign universities, and training and research institutions.

IDFR continued its linkage with Fulbright when it welcomed another Fulbright scholar, Mr. Brian Neall Hoffman from the University of Louisville, Kentucky, USA, who will be undertaking research at IDFR on confidence-building measures in the Spratly Islands until June 2010.

During the year under review IDFR also continued with its internship programme by accepting nine students from Universiti Utara Malaysia (UUM) and four from Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) into the various divisions at IDFR, as part of their academic studies requirement.

I am pleased that IDFR has been able to successfully carry out its mission for 2009, thanks to the high dedication and commitment of its officers and staff. I am confident that with the continued support and dedication of all concerned, the Institute will make further progress and be able to accomplish all of its goals and objectives.

In early November 2009 we were saddened by the passing away of our colleague, Dr. Chandran Jeshurun, Director of the Academic Studies,

Research and Publication Division after a short illness. I would like to take this opportunity to pay tribute to the memory of the late Dr. Chandran Jeshurun who contributed enormously in strengthening our research and publication programme and in arranging a number of interesting roundtable discussions, including the two above-mentioned well-attended roundtables in collaboration with the LSE.

Finally, I would like to record my sincere thanks and gratitude to Tan Sri Rastam Mohd. Isa, Secretary General of the Ministry of Foreign Affairs, for his continuing strong interest in and support for IDFR and its programmes and activities.

TAN SRI HASMY AGAM



**INSTITUT DIPLOMASI DAN
HUBUNGAN LUAR NEGERI**

Institute of Diplomacy and Foreign Relation

**INSTITUTE OF
DIPLOMACY AND FOREIGN
RELATIONS (IDFR)**

INSTITUTE OF DIPLOMACY AND FOREIGN RELATIONS (IDFR)

The Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR) was established on 1 July 1991 under the Prime Minister's Department following a Cabinet decision on 6 March the same year. IDFR officially became part of the Ministry of Foreign Affairs, Malaysia on 27 March 2004. On 8 January 2009, the IDFR Campus on Jalan Wisma Putra was officially launched by former Prime Minister, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

IDFR offers various training courses for young diplomats to enable them to be prepared to face the many challenges in promoting and defending Malaysia's foreign policy. IDFR also conducts training courses for mid-career and senior diplomats including Ambassadors and their spouses. IDFR not only caters for Wisma Putra's officers but also officers from other ministries and agencies. IDFR also provides language courses namely Arabic, English, French, Malay, Mandarin and Spanish. All these courses are conducted by professors from both local and foreign universities, representatives from NGOs, both former and serving ambassadors, distinguished experts in specific backgrounds and IDFR officers.

IDFR training courses are also offered to participants from developing countries under the Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP), as well as from ASEAN, Colombo Plan member countries and Commonwealth countries.

IDFR course participants and trainees have numerous opportunities to participate in workshops, seminars, roundtable discussions and public lectures held in IDFR and other venues. Tun Musa Hitam and Reverend Jesse Louis Jackson, Sr. were among the prominent guests speakers in 2009.

The IDFR's Master of Social Science in Strategy and Diplomacy programme is jointly conducted with Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The year 2009 marked its 11th year of implementation and is an intensive full-time 13-month programme. The students for the current intake are from Afghanistan, Canada, Fiji, Guinea, Malaysia, Maldives, Myanmar, Papua New Guinea, Thailand and the United States of America.

